

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development, No.15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor

TAKAFUL SIMPANAN BERKELOMPOK HLM TAKAFUL 2.0

NO SIJIL INDUK: GST2015_064

Sijil Induk ini telah dikuatkuasakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (selepasnya dirujuk sebagai "Pemegang Sijil Induk") dengan Hong Leong MSIG Takaful Berhad (selepasnya dirujuk sebagai "Pengendali Takaful") dan semua permohonan, akad dan perakuan yang dikemukakan oleh Orang Dilindungi masing-masing menerusi Pemegang Sijil Induk akan membentuk asas kontrak ini dan dianggap terkandung di dalamnya.

Sebagai pertimbangan kepada Sumbangan, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful individu (selepasnya dirujuk sebagai "Sijil Takaful") yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful kepada Orang Dilindungi yang berhak di bawah Sijil Induk ini, yang dibuat dalam tempoh yang dipersetujui bersama antara Pemegang Sijil Induk dan Pengendali Takaful, adalah dengan ini dipersetujui dan diperakui bahawa Jumlah Manfaat yang diterangkan dalam Jadual Sijil Induk akan dibayar daripada Dana Risiko Peserta kepada Orang Dilindungi (jika masih hidup) atau Penama (apabila Orang Dilindungi meninggal dunia) menurut jenis risiko setelah Pemegang Sijil Induk memberikan kepada Pengendali Takaful bukti berlakunya Kejadian Takaful yang menyebabkan Manfaat yang dinyatakan di dalam ini perlu dibayar.

Jadual Sijil Induk, terma, peruntukan dan syarat pada halaman selepasnya dan Pengendorsan selanjutnya kepada Sijil Takaful akan membentuk sebahagian daripada Sijil Induk ini.

Permohonan, akad dan perakuan, bersama dengan sebarang maklumat atau butiran yang diberikan dari masa ke masa kepada Pengendali Takaful oleh Orang Dilindungi menerusi Pemegang Sijil Induk, dan seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau mana-mana dokumen lain akan menjadi asas Sijil Induk ini dan dianggap terkandung di dalamnya.

Sijil Induk ini telah ditandatangani di Petaling Jaya, Selangor pada Tarikh Sijil Induk Dikeluarkan yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk untuk dan bagi pihak Pengendali Takaful dan Pemegang Sijil Induk.

Pengendali Takaful dengan ini melantik Pemegang Sijil Induk sebagai ejen sah untuk melaksanakan "Akad dan Perakuan", seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful, dengan Orang Dilindungi bagi pihaknya.



Penandatangan Sah
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional



Penandatangan Sah
Untuk dan bagi pihak Hong Leong MSIG
Takaful Berhad

PERUNTUKAN SIJIL INDUK

I. DEFINISI

Dalam Sijil Induk ini, di mana konsisten dengan kandungan, istilah tunggal hendaklah termasuk jamak dan jamak hendaklah termasuk tunggak; perkataan yang mencerminkan jantina letak hendaklah termasuk jantina wanita; dan dengan ini diperakui dan dipersetujui secara khusus antara Pengendali Takaful dan Pemegang Sijil Induk bahawa; untuk tujuan Sijil Induk ini, setiap perkataan dan pernyataan hendaklah mempunyai maksud yang berikut:-

1. **"Punca Kemalangan"** bermaksud kejadian secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan khusus yang berlaku pada masa dan di tempat yang dikenal pasti, yang bebas daripada sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya punca kecederaan badan;
2. **"Nilai Akaun"** bermaksud baki terkumpul dalam Akaun Peserta;
3. **"Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)"** adalah seperti berikut:
 - (a) **Tukar kedudukan:**
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
 - (b) **Pergerakan:**
Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.
 - (c) **Kontinens:**
Keupayaan untuk mengawal keinginan membuang air besar dan kecil bagi menjaga kebersihan diri.
 - (d) **Memakai pakaian:**
Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
 - (e) **Mandi / Membersihkan diri:**
Keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau pancuran air (termasuk keluar masuk bilik mandi atau pancuran) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.
 - (f) **Makan:**
Semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan disediakan.
4. **"Umur"** bermaksud umur Orang Dilindungi atau Tanggungannya pada hari jadi berikutnya;
5. **"Amaun Manfaat"** bermaksud amaun jumlah dilindungi, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful, yang akan dibayar di bawah Sijil Induk sekiranya berlaku kematian, TPD atau dalam Takaful Tambahan berkenaan yang dipilih;
6. **"Penyerahan Hak"** bermaksud pemindahan pemilikan dan/atau Manfaat di bawah Sijil Induk ini kepada mana-mana orang atau badan korporat;
7. **"Manfaat"** bermaksud manfaat yang akan dibayar daripada Dana Risiko Peserta dan Akaun Peserta yang diuruskan oleh Pengendali Takaful menurut Sijil Induk ini dan dinyatakan sedemikian dalam Sijil Takaful;
8. **"Anak"** bermaksud anak Orang Dilindungi, termasuk anak tiri dan anak angkat di bawah sebarang undang-undang bertulis di Malaysia dan mana-mana tempat di luar Malaysia, atau di bawah adat yang diktiraf oleh kumpulan, kategori atau jenis orang di dalam atau di luar Malaysia yang belum berkahwin dan di bawah tanggungan kewangan Orang Dilindungi, yang berumur antara satu (1) hari dan tiga puluh (30) tahun, pada hari jadi berikutnya;
9. **"Sumbangan"** bermaksud Sumbangan, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful, yang perlu dibayar oleh Orang Dilindungi;
10. **"Rizab Luar Jangka"** bermaksud rizab untuk digunakan sekiranya berlaku kerugian dalam Dana Risiko Peserta;
11. **"Tanggungan"** bermaksud mana-mana orang berikut:
 - (a) Pasangan seperti yang ditakrifkan dalam Sijil Induk ini;

- (b) Anak seperti yang ditakrifkan dalam Sijil Induk ini;
12. "Hilang Upaya" bermaksud Keuzuran, Penyakit, Kesakitan atau kecederaan yang timbul daripada satu punca atau siri punca berterusan;
 13. "Orang Dilindungi Layak" bermaksud orang-orang yang diuraikan dalam Jadual Sijil Induk;
 14. "Tarikh Penamatan Sijil" bermaksud tarikh akhir seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful jika tidak ditamatkan lebih awal menurut Fasal IV (Penamatan Sijil Takaful Individu) di bawah;
 15. "Had Perlindungan Bebas" bermaksud amaun agregat maksimum daripada Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk, bagi Orang Dilindungi yang akan diterima oleh Pengendali Takaful untuk perlindungan Takaful, tanpa sebarang bukti pengunderaitan;
 16. "Kecederaan" bermaksud kecederaan badan yang disebabkan oleh kemalangan;
 17. "Iltizam Bi Al-Tabarru'" bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru';
 18. "Ju'alah" bermaksud perjanjian di mana Orang Dilindungi bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta yang membawa kepada lebihan Dana Risiko Peserta;
 19. "Sijil Induk" bermaksud perjanjian ini, mana-mana Takaful Tambahan atau di dalam itu, atau sebarang pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh Pengendali Takaful, permohonan Pemegang Sijil Induk yang dilampirkan bersama, dan borang permohonan Orang Dilindungi, jika ada, yang merangkumi seluruh kontrak antara pihak berkewaan;
 20. "Ulang Tahun Sijil Induk" bermaksud ulang tahun Tarikh Kuat Kuasa Sijil Induk;
 21. "Tarikh Kuat Kuasa Sijil Induk" bermaksud tarikh di mana skim Takaful di bawah Sijil Induk ini mula berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk;
 22. "Pemegang Sijil Induk" bermaksud institusi atau mana-mana organisasi yang dinamakan dalam Jadual Sijil Induk di mana Sijil Induk telah dikeluarkan bagi melindungi orang yang dikenal pasti secara khusus sebagai Orang Dilindungi dalam Sijil Induk. Pemegang Sijil Induk atau perantara Pengendali Takaful diberi kebenaran oleh Pengendali Takaful untuk melakukan "Akad dan Perakuan" dengan Orang Dilindungi masing-masing bagi pihak Pengendali Takaful;
 23. "Pengamal Perubatan" atau "Pakar Perubatan" bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan ilmu perubatan barat dan yang semasa menyediakan rawatan sedemikian, menjalankan tugas dalam lingkungan bidang kuasa lesen dan latihannya di kawasan geografi amalannya, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Dilindungi itu sendiri;
 24. "Mudarabah" bermaksud kontrak antara Pengendali Takaful dan Orang Dilindungi di mana Orang Dilindungi memberikan Sumbangan untuk diuruskan dan dikendalikan oleh Pengendali Takaful bagi pihak Orang Dilindungi untuk tujuan pelaburan. Sebarang keuntungan pelaburan daripada pelaburan Akaun Peserta dikongsi antara Orang Dilindungi dan Pengendali Takaful pada nisbah 90:10 masing-masing;
 25. "Penama" bermaksud individu yang dinamakan oleh Orang Dilindungi untuk menerima Amaun Manfaat di bawah Sijil Induk ini;
 26. "Orang Dilindungi" bermaksud Orang Dilindungi Layak, seperti yang ditakrifkan dalam Jadual Sijil Induk, yang telah diterima oleh Pengendali Takaful untuk perlindungan Takaful, dan/atau mana-mana Orang Dilindungi Layak seterusnya yang dilindungi di bawah Sijil Induk ini;

27. "Akaun Peserta" atau "PA" bermaksud akaun yang dimiliki oleh Orang Dilindungi, yang mana sebahagian daripada Sumbangan, selepas memotong Yuran Wakalah dan Tabarru', akan diperuntukkan untuk tujuan simpanan dan pelaburan bagi pihak Orang Dilindungi;
28. "Dana Risiko Peserta" atau "PRF" bermaksud dana yang digunakan untuk mengumpulkan bahagian Sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi untuk tujuan bantuan bersama, kemauafakatan, persaudaraan dan manfaat umum semua Orang Dilindungi, termasuk untuk tujuan memenuhi tuntutan ke atas risiko yang dilindungi Tabarru' (derma) bulanan, jumlah yang mungkin berbeza dari masa ke masa, akan diperuntukkan daripada Akaun Peserta kepada Dana Risiko Peserta berdasarkan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru', iaitu Tabarru' (derma) hanya akan dilakukan selepas pembayaran semua tuntutan dan kos berkaitan tuntutan;
29. "Kepentingan Takaful Dibenarkan" bermaksud kepentingan ekonomi atau kewangan Pemegang Sijil Induk dalam perlindungan Takaful Orang Dilindungi;
30. "Skim" bermaksud Skim "**SIMPAN SSPN PLUS**";
31. "Keuzuran", "Penyakit" atau "Kesakitan" bermaksud keadaan fizikal yang berbeza dari segi patologi berbanding keadaan sihat biasa;
32. "Pasangan" bermaksud:
 - (a) pasangan yang berkahwin secara sah dengan Orang Dilindungi, dan dalam kes di mana Orang Dilindungi berkahwin secara sah dengan lebih daripada seorang isteri, hanya satu isteri; dan
 - (b) yang berumur lebih 16 tahun dan di bawah 66 tahun pada hari jadi berikutnya;
33. "Takaful Tambahan" bermaksud hak dan manfaat lain yang ditambah kepada Sijil Induk ini;
34. "Tabarru'" bermaksud bahagian tertentu yang dipotong daripada PA, yang dipersetujui untuk diderma oleh Orang Dilindungi selepas berlaku aktiviti atau kejadian yang disokong oleh pengurusan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan Pengendali Takaful, iaitus membolehkan Orang Dilindungi memenuhi kewajipannya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya Orang Dilindungi lain mengalami kerugian yang ditakrifkan. Kadar Tabarru' tidak dijamin dan Pengendali Takaful boleh menyemak semula kadar Tabarru' dari masa ke masa dengan memberikan notis bertulis sembilan puluh (90) hari kepada Pemegang Sijil Induk sebelum tarikh semakan semula berkuat kuasa;
35. "Sijil Takaful" bermaksud sijil individu, yang mengandungi ringkasan maklumat yang terdiri daripada butiran Orang Dilindungi dan perlindungan Takaful seperti Umur, Sumbangan, Amaun Manfaat, Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful, tempoh dili, yang akan diberikan oleh Pengendali Takaful kepada Orang Dilindungi masing-masing selepas menerima Sumbangan dan memulakan perlindungan Takaful;
36. "Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful" bermaksud tarikh, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful, di mana perlindungan Takaful bagi Orang Dilindungi berkuat kuasa setelah PTPTN menerima deposit (termasuk Sumbangan) dan realit telah dikeluarkan kepada Orang Dilindungi dengan syarat Sumbangan telah diterima oleh Pengendali Takaful dalam tempoh masa yang ditetapkan;
37. "Ulang Tahun Bulanan Sijil Takaful" bermaksud tarikh berkala bulanan satu (1) bulan kalender dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful yang dinyatakan dalam Sijil Takaful dan akan diteruskan sehingga tamat Sijil Takaful;
38. "Kejadian Takaful" bermaksud kejadian di mana Manfaat akan dibayar;
39. "Pengendali Takaful" bermaksud Hong Leong MSIG Takaful Berhad dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah hak yang sah. Pengendali Takaful dilantik oleh Pemegang Sijil Induk dan Orang Dilindungi untuk menjadi ejen yang menguruskan dan melabur sumbangan yang dibuat oleh Orang Dilindungi menurut prinsip Wakalah dan Mudarabah, seperti yang ditakrifkan oleh Pengendali Takaful;
40. "Dana Pengendali Takaful" bermaksud dana pemegang saham Pengendali Takaful;

41. "Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal" atau "TPD" bermaksud hilang upaya penuh Orang Dilindungi untuk melibatkan diri dalam sebarang dan setiap pekerjaan yang berupah disebabkan oleh kecederaan badan akibat kemalangan, penyakit atau kezuruan;
42. "Wakalah" bermaksud hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak Orang Dilindungi untuk menguruskan Akaun Peserta dan PRF;
43. "Yuran Wakalah" bermaksud yuran yang perlu dibayar terlebih dahulu kepada Pengendali Takaful sebagai balasan terhadap perkhidmatan yang diberikan untuk menguruskan Akaun Peserta dan PRF bagi pihak Orang Dilindungi. Yuran Wakalah akan digunakan oleh Pengendali Takaful untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan berkaitan pengedaran termasuk komisen.

II. PENYERTAAN

1. Setiap Orang Dilindungi adalah layak untuk menyertai Skim Takaful ini tertakluk kepada syarat berikut:
 - (a) Orang Dilindungi berumur antara enam belas (16) dan enam puluh lima (65) tahun pada hari jadi berikutnya pada tarikh permohonan; dan
 - (b) Orang Dilindungi mestilah orang sebenar;
2. Orang Dilindungi yang perlindungan Takafulnya telah ditamatkan kerana Orang Dilindungi tidak lagi menjadi Orang Dilindungi Layak, dan yang seterusnya menjadi Orang Dilindungi Layak semula akan dianggap sebagai Orang Dilindungi baharu.
3. Setiap Orang Dilindungi Layak yang layak menyertai Skim ini akan dilindungi di bawah ini pada Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful dengan syarat borang cadangan yang telah lengkap diisi, seperti yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful, dan telah diterima oleh Pemegang Sijil Induk.
4. Perlindungan Takaful Pasangan dan Anak Orang Dilindungi Layak akan berkuat kuasa pada tarikh mereka menjadi Tanggungan Orang Dilindungi Layak.

III. BUKTI KESIHATAN

1. Setiap Orang Dilindungi yang Amaun Manfaatnya melebihi Had Perlindungan Bebas mestinya menunjukkan bukti kesihatan dalam bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil Induk ini berkuat kuasa.
2. Had Perlindungan Bebas tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk atau pengendorsan Sijil Induk, tertakluk kepada fasal Keadaan Sedia Ada yang dinyatakan dalam Bahagian Peruntukan Am Sijil Induk ini.
3. Jika Amaun Manfaat adalah bersamaan dengan atau kurang daripada Had Perlindungan Bebas, Orang Dilindungi tidak perlu menyediakan bukti pengunderitan atau menjalani pemeriksaan perubatan.
4. Semua pemeriksaan perubatan dan/atau ujian mana-mana Orang Dilindungi yang diperlukan oleh Pengendali Takaful akan dilakukan oleh doktor yang telah diluluskan oleh Pengendali Takaful dan Pengendali Takaful akan membayari semua perbelanjaan dan kos yang ditanggung.

IV. PENAMATAN SIJIL TAKAFUL INDIVIDU

Sijil Takaful dan perlindungan Takaful di bawah Sijil Induk ini bagi mana-mana Orang Dilindungi akan tamat secara automatik apabila berlakunya mana-mana kejadian berikut:-

1. Penamatan Sijil Induk sama ada oleh Pemegang Sijil Induk atau Pengendali Takaful seperti yang dinyatakan dalam Fasal V; atau

2. Apabila Orang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal; atau
3. Selepas Sijil Takaful luput menurut Fasal VII perkara no. 25; atau
4. Selepas Ulang Tahun Bulanan Sijil Takaful yang pertama selepas Orang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun pada hari jadi berikutnya, berdasarkan tarikh lahir Orang Dilindungi; atau
5. Penyerahan Sijil Takaful oleh Orang Dilindungi; atau
6. Selepas Tarikh Penamatan Sijil; atau
7. Apabila Orang Dilindungi tidak lagi menjadi Orang Dilindungi Layak;
Yang mana lebih awal.

Di samping peristiwa di atas, perlindungan Takaful bagi Tanggungan Orang Dilindungi Layak akan tamat:

1. Pada tarikh perlindungan Takaful yang diberikan kepada Orang Dilindungi Layak tamat; atau
2. Pada tarikh Tanggungan tersebut tidak lagi menjadi Tanggungan seperti yang ditakrifkan di dalam ini; atau
3. Apabila Anak Orang Dilindungi mencapai umur tiga puluh (30) tahun, pada hari jadi berikutnya.

V. PENAMATAN SIJIL INDUK INI

Sama ada Pemegang Sijil Induk atau Pengendali Takaful boleh menamatkan Sijil Induk ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu.

Perlindungan Takaful Orang Dilindungi dan Tanggungannya di bawah Sijil Induk ini akan tamat serta-merta selepas penamatan Sijil Induk ini.

Penamatan Sijil Induk ini tidak menjasakan sebarang tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut.

VI. PERUNTUKAN MANFAAT

Sebaik selepas memberikan bukti kematian yang sewajarnya bagi mana-mana Orang Dilindungi, amaun yang ditentukan menurut Sijil Takaful akan dibayar kepada Orang Dilindungi (jika masih hidup) atau Penama/Penuntut yang sesuai (sekranya Orang Dilindungi meninggal dunia).

VII. PERUNTUKAN AM

1. Pembayaran Sumbangan

Sumbangan perlu dibayar oleh Orang Dilindungi menerusi Pemegang Sijil Induk secara bulanan, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk, dalam tempoh yang dipersetujui, kepada Pengendali Takaful. Sumbangan pertama kena bayar dan perlu dibayar pada Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful dan Sumbangan seterusnya kena bayar dan perlu dibayar pada Ulang Tahun Bulanan Sijil Takaful.

Pemegang Sijil Induk akan memberikan maklumat kepada Pengendali Takaful tentang sebarang perubahan Orang Dilindungi Layak atas dasar yang disebutkan dalam perkara no. 14 Jadual Sijil Induk. Jika sebarang tuntutan timbul dalam tempoh ihsan dan sebelum pembayaran Sumbangan yang kena bayar, Sumbangan akan dipotong daripada amaun tuntutan, bersama dengan sebarang Sumbangan lain yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful.

2. Akaun Peserta (PA)

Sumbangan, selepas pemotongan Yuran Wakalah ("Sumbangan Diperuntukkan") akan diperuntukkan kepada Akaun Peserta (PA) untuk diuruskan dan dikendalikan oleh Pengendali Takaful berdasarkan Kontrak Mudarabah. Amaun prinsipal daripada Sumbangan Diperuntukkan adalah tidak dijamin oleh Pengendali Takaful. Keuntungan pelaburan yang timbul daripada PA akan dikongsi menurut Fasal 24 Bahagian VII. Pengendali Takaful akan menerima Yuran Wakalah dan sebahagian daripada keuntungan pelaburan bersih tahunan dan memindahkannya ke dalam Dana Pengendali Takaful, dan sebagai balasan Pengendali Takaful akan menanggung segala perbelanjaan pengurusan dan komisen pengedar.

3. Yuran Wakalah

Pengendali Takaful terlebih dahulu akan memotong Yuran Wakalah sebanyak 25% daripada setiap Sumbangan yang diterima. Pengendali Takaful boleh mengubah Yuran Wakalah dari masa ke masa tertakluk kepada kelulusan pengawal sella Takaful. Pengendali Takaful akan memberikan notis secara bertulis kepada Pemegang Sijil Takaful sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari terlebih dahulu tentang tarikh kuat kuasa semakan tersebut.

4. Dana Risiko Peserta (PRF)

Tabarru' bulanan, yang amanya mungkin berbeza dari masa ke masa akan dipindahkan dari PA kepada PRF berdasarkan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru' untuk menyediakan Manfaat yang akan dibayar daripada PRF di bawah Sijil Induk ini. Tabarru' bulanan akan bermula dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful selepas penamatan Sijil Takaful.

Tabarru' berkuat kuasa apabila Orang Dilindungi menyumbang kepada PRF. Baki amaun komitmen yang tinggal dalam PRF selepas pembayaran tuntutan, kos berkaitan tuntutan selepas menolak rizab berkaitan aktuari dan kos lain seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami, jika ada, akan dianggap sebagai lebihan. Kaedah perkongsian lebihan yang timbul daripada PRF akan ditetapkan seperti dalam Fasal 23 Bahagian VII.

Kadar Tabarru' bagi perlindungan Takaful di bawah Sijil Induk ini adalah berdasarkan amaun manfaat atau pelan yang dipilih oleh Orang Dilindungi. Tabarru' yang perlu dibayar akan meliputi Manfaat Kematian. Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula kadar Tabarru' atau Sumbangan dari masa ke masa dengan memberikan notis bertulis sembilan puluh (90) hari kepada Pemegang Sijil Induk sebelum tarikh kuat kuasa semakan tersebut.

Sekiranya PRF berada dalam keadaan defisit, Pengendali Takaful akan mengatur bagi Qard (pinjaman tanpa faedah) untuk disalurkan ke dalam PRF. Qard dijangka meningkatkan tahap kesovenan PRF. Qard hanya akan dibayar balik untuk jumlah asal yang dikeluarkan, daripada lebihan masa depan PRF, dalam satu jumlah sekali gus atau atas dasar ansuran bergantung kepada lebihan masa depan yang timbul dan jumlah Qard yang dibayar.

5. Takaful Semula

Pengendali Takaful, bagi pihak semua Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk diberi kuasa untuk mendapatkan Takaful Semula untuk melindungi kepentingan semua Orang Dilindungi. Perjanjian takaful semula bagi setiap PRF hendaklah dibuat secara berasingan dan sumbangan Takaful Semula hendaklah dibayar daripada PRF.

6. Tempoh Ihsan

Tempoh ihsan enam puluh (60) hari akan diberikan kepada Pemegang Sijil Induk bagi pembayaran apa-apa Sumbangan selepas kegagalan pembayaran pertama. Jika pada tamat tempoh ihsan dan sebarang pembayaran Sumbangan tidak dibuat pada tarikh kena bayar yang berkenaan, maka Sijil Induk ini akan ditamatkan secara automatik apabila tempoh ihsan berakhir tertakluk kepada Fasal VII Perkara No.25, melainkan Pemegang Sijil Induk telah memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful terlebih dahulu berhubung dengan tarikh akhir lebih awal, maka Sijil Induk ini akan berakhir

pada tarikh lebih awal tersebut. Pemegang Sijil Induk perlu membayar Sumbangan untuk memastikan Sijil Induk ini berkuat kuasa dalam tempoh ihsan yang diberikan.

7. Tempoh Bertenang

Sijil Induk atau Sijil Takaful ini boleh dibatalkan secara bertulis oleh Pemegang Sijil Induk atau Orang Dilindungi (yang mana berkennaan) atas permintaan kepada Pengendali Takaful, dengan memulangkan Sijil Induk atau Sijil Takaful kepada Pengendali Takaful, yang mestilah dilakukan dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Induk atau Sijil Takaful dihantar. Untuk mengelakkan keraguan, Sijil Induk atau Sijil Takaful ini dianggap telah dikemukakan selepas dihantar ke alamat terakhir Pemegang Sijil Induk atau Orang Dilindungi seperti yang ditunjukkan dalam rekod Kami. Apabila pembatalan tersebut dibuat, Pengendali Takaful akan memulangkan semua Sumbangan yang telah dibayar ditolak apa-apa perbelanjaan perubatan yang mungkin ditanggung. Sijil Induk atau Sijil Takaful akan seterusnya dianggap sebagai telah dibatalkan.

8. Pengeluaran Tunai Sebahagian/ Sepenuhnya

Pengeluaran tunai sebahagian atau sepenuhnya daripada PA adalah tidak dibenarkan.

9. Serahan

Orang Dilindungi boleh menyerahkan Sijil Takaful pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Orang Dilindungi akan menerima Nilai Akaun pada tarikh serahan.

10. Kematangan

Apabila matang, Orang Dilindungi akan menerima Nilai Akaun. Orang Dilindungi juga akan menerima sebahagian daripada lebihan dalam Dana Risiko Peserta, jika ada.

11. Keistimewaan Pembaharuan

Sijil Induk ini dikeluarkan untuk tempoh satu (1) tahun dan akan diperbaharui secara automatik setiap tahun, pada terma dan syarat semasa seperti yang dinyatakan oleh Pengendali Takaful, melainkan ditamatkan oleh mana-mana pihak menurut Fasal V (Penamatan Sijil Induk ini).

Ulang Tahun Sijil Induk ialah satu (1) tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun selepas itu. Pada setiap ulang tahun tersebut, Sijil Induk dan Takaful Tambahan yang disertakan boleh diperbaharui secara automatik tertakluk kepada terma, syarat dan tamet pada setiap ulang tahun Sijil Induk. Tabaruu' unit pembaharuan tidak dijamin dan Pengendali Takaful berhak untuk menentukan, pada akhir setiap tempoh Sijil Induk atau apabila terma Sijil Induk ini diubah, kader Tabaruu' unit baharu di mana pemotongan selanjutnya akan dibuat berdasarkan Fasal VII perkara no. 4. Perubahan sedemikian, jika ada, akan berkuat kuasa ke atas semua Orang Dilindungi yang sedia ada dan bahanu pada masa pembaharuan.

Sijil Induk ini boleh diperbaharui sehingga kejadian mana-mana yang berikut:

- (a) Penipuan atau salah nyata fakta penting semasa permohonan;
- (b) Sijil Induk ini dibatalkan atas permintaan Pemegang Sijil Induk atau Pengendali Takaful seperti yang dinyatakan dalam Fasal V (Penamatan Sijil Induk ini);

12. Kontrak

- (a) Semua kenyataan yang dibuat oleh Pemegang Sijil Induk atau oleh Orang Dilindungi, hendaklah tanpa penipuan, dianggap sebagai pernyataan dan bukan jaminan, dan tiada kenyataan akan membatalkan Manfaat, atau digunakan untuk mempertahankan tuntutan di bawahnya, melainkan dibuat secara bertulis.

- (b) Hak Pemegang Sijil Induk atau mana-mana Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk tidak akan terjejas oleh mana-mana peruntukan selain daripada yang terkandung di dalam Sijil Induk ini atau dalam salinan permohonan Pemegang Sijil Induk yang dilampirkan bersama ini, atau dalam borang permohonan Orang Dilindungi atau dalam sebarang dokumen lain yang membentuk sebahagian daripada seluruh kontrak.
- (c) Tiada ejen dibenarkan untuk mengubah atau meminda Sijil Induk ini, untuk menerima Sumbangan tertunggak atau melanjutkan tarikh kena bayar sebarang Sumbangan, untuk menepikan sebarang notis atau bukti tuntutan yang diperlukan oleh Sijil Induk ini, atau untuk melanjutkan tarikh di mana notis atau bukti tuntutan sedemikian perlu dikemukakan. Tiada perubahan dalam Sijil Induk ini adalah sah melaikkan diluluskan oleh Pengendali Takaful dan dibuktikan menerusi pengendorsan di dalam ini.

13. Data Diperlukan

- (a) Pemegang Sijil Induk hendaklah menyimpan borang cadangan yang telah lengkap dili dan menyimpan rekod bagi setiap Orang Dilindungi di bawah Sijil Induk ini, menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan baharu, jantina, umur atau tarikh lahir Orang Dilindungi, Pekerjaan/Jawatan, Amaun Manfaat, tarikh kuat kuasa manfaat, tarikh penamatan manfaat, perubahan, dengan tarikh penyertaan, klasifikasi dan maklumat penting lain yang perlu untuk melaksanakan terma Sijil Induk ini.
- (b) Kesilapan catatan dalam rekod yang disimpan tidak akan membatalkan Manfaat yang jika bukan atas kesilapan itu akan berkuat kuasa secara sah atau meneruskan Manfaat yang sepatutnya ditamatkan secara sah, tetapi selepas menemui kesilapan tersebut, satu pelarasan saksama akan dibuat.
- (c) Pemegang Sijil Induk akan memberikan semua maklumat dan bukti kepada Pengendali Takaful, yang mungkin sewajarnya diperlukan oleh Pengendali Takaful berhubung dengan sebarang hal berkaitan dengan Sijil Induk ini. Semua dokumen yang diberikan kepada Pemegang Sijil Induk oleh mana-mana Orang Dilindungi berhubung dengan manfaat dan rekod lain yang mungkin mempunyai kesan ke atas manfaat tersebut di bawah Sijil Induk ini, hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Pengendali Takaful pada bila-bila masa yang sewajarnya.

13B. Perlindungan Data Peribadi

"Data Peribadi" bermaksud data peribadi seperti yang dicatatkan dalam "Akta Perlindungan Data Peribadi 2010" di Malaysia.

13B.1 Pemegang Sijil Induk berjanji dan memberi jaminan bahawa pihaknya telah mendapatkan kebenaran yang diperlukan daripada Orang Dilindungi untuk melakukan yang berikut:

- (a) Untuk menyediakan Data Peribadi yang telah dikumpulkan dan/atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk kepada Pengendali Takaful seperti yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab di bawah Sijil Induk ini;
- (b) Untuk membenarkan Pengendali Takaful memproses semua Data Peribadi yang diperlukan untuk tujuan menuaikan tanggungjawabnya menurut Sijil Induk ini; dan
- (c) Untuk membenarkan Pengendali Takaful mendedahkan Data Peribadi kepada sekutu, peguam, juruaudit kewangan atau pihak berkuasa tadbir urus di dalam dan/atau di luar Malaysia hanya apabila perlu, untuk tujuan melaksanakan tanggungjawabnya menurut Sijil Induk ini atau Sijil Takaful dan di mana pihak yang menerima maklumat tersebut telah bersetuju dan berjanji untuk mematuhi syarat kerahsiaan di bawah Sijil Induk atau Sijil Takaful ini seolah-olah pihak yang menerima maklumat tersebut merupakan satu pihak dalam Sijil Induk atau Sijil Takaful ini.

Istilah "Data Peribadi" di mana terkandung di dalam Sijil Induk ini hendaklah bermaksud maklumat yang disediakan oleh Pemegang Sijil Induk kepada Pengendali Takaful yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan Orang Dilindungi atau yang berada dalam pegangan Pemegang Sijil Induk, termasuk apa-apa yang berkaitan dengan Orang Dilindungi.

13B.2 Pengendali Takaful berhak untuk menyemak dokumen yang mengandungi Data Peribadi Orang Dilindungi. Pemegang Sijil Induk hendaklah memberikan dokumen Data Peribadi tersebut apabila Pengendali Takaful meminta Pemegang Sijil Induk berbuat demikian.

14. Salah Nyata Umur

- (a) Jika Umur Orang Dilindungi atau tarikh lahir atau fakta penting lain berkaitan dengan Orang Dilindungi didapati telah disalah nyata dan jika salah nyata tersebut mempengaruhi skala Amaun Manfaat atau mempunyai kaitan dengan mana-mana terma dan syarat Sijil Induk ini, Umur dan fakta sebenar akan digunakan untuk menentukan sesuatu Manfaat yang berkuat kuasa di bawah terma Sijil Induk ini dan Manfaat yang akan dibayar daripadanya, dan pelarasan saksama Sumbangan akan dibuat.
- (b) Apabila salah nyata Umur atau fakta penting lain yang berkaitan telah menyebabkan Orang Dilindungi mendapatkan perlindungan di bawah ini sedangkan beliau sepatutnya tidak layak menerima Manfaat, atau di mana kenyataan tersebut telah menyebabkan Orang Dilindungi untuk terus kekal dilindungi sedangkan beliau sepatutnya tidak layak menerima Manfaat selanjutnya menurut terma dan had Sijil Induk ini, Manfaat tersebut adalah tidak sah dan Sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi akan dipulangkan, dengan syarat dalam segala hal bahawa jika didapati penipuan di pihak Pemegang Sijil Induk atau Orang Dilindungi, Sumbangan yang dibayar tidak akan dipulangkan.

15. Borang Cadangan

Setiap Orang Dilindungi akan memberi PTPTN borang cadangan dalam bentuk yang ditetapkan oleh PTPTN.

16. Kewajipan Pendedahan Maklumat

Orang Dilindungi mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berjaga-jaga atau munasabah agar tidak melakukan salah nyata apabila menjawab soalan dalam borang cadangan (atau semasa Orang Dilindungi memohon untuk Takaful ini), iaitu Orang Dilindungi mesti menjawab soalan dengan tepat. Kegagalan mengambil langkah munasabah untuk menjawab soalan akan menyebabkan Sijil Takaful Orang Dilindungi ditamatkan, keengganan membayar atau pengurangan pampasan Orang Dilindungi, perubahan terma atau penamatan Sijil Takaful Orang Dilindungi menurut remedii yang ditetapkan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Orang Dilindungi juga perlu mendedahkan sebarang perkara yang diketahui oleh Orang Dilindungi sebagai berkaitan dengan keputusan Pengendali Takaful untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang harus diguna pakai. Orang Dilindungi juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Orang Dilindungi telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, sebarang maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau apabila Orang Dilindungi memohon untuk Takaful ini), adalah tidak tepat atau telah berubah.

17. Sijil Takaful

Pengendali Takaful akan mengeluarkan dan menghantar kepada setiap Orang Dilindungi, satu Sijil Takaful yang mengesahkan bahawa Orang Dilindungi Layak telah diterima untuk menyertai Skim di bawah Sijil Induk.

18. Undang-Undang Berkuaat Kuasa

Sijil Induk ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah ini hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia.

19. Memfailkan Bukti Kerugian

Notis bertulis tuntutan mesti diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Pemegang Sijil Induk mengetahui tentang kejadian yang menimbulkan tuntutan. Bukti tuntutan mesti diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bagaimanapun, Pengendali Takaful boleh meminta Orang Dilindungi untuk diperiksa oleh pemeriksa perubatan Pengendali Takaful atau Pemegang Sijil Induk untuk memberikan laporan perubatan selanjutnya kepada Pengendali Takaful.

20. Perubahan

Pengendali Takaful boleh mengubah Sijil Induk ini jika perubahan perlu dibuat ke atas terma dan syarat Sijil Induk ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan pindaan tersebut akan diguna pakai dari tarikh pembaharuan seterusnya Sijil Induk ini. Perubahan kepada Sijil Induk ini hanya sah jika dibuat menerusi pengendorsan yang ditandatangani oleh Pengendali Takaful.

21. Ketidakbolehpertikaikan

Pengendali Takaful tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil Induk ini kecuali bagi kegagalan pembayaran Sumbangan dan penipuan, selepas berkuat kuasa dalam hayat Orang Dilindungi selama dua (2) tahun penuh dari tarikh dikeluarkan atau pengembalian semula Sijil Induk, yang mana lebih lewat.

Jika Pengendali Takaful, semasa Sijil Takaful telah berkuat kuasa untuk tempoh lebih daripada dua (2) tahun ketika hayat Orang Dilindungi, mengelakkan Sijil Takaful atas dasar kenyataan yang dibuat atau tidak dibuat dalam borang cadangan atau apa-apa dokumen lain sebelum pengeluaran Sijil Takaful, yang tidak tepat atau palsu atau mengelirukan, dan merupakan kenyataan berkaitan dengan perkara penting atau Orang Dilindungi menyembunyikan fakta penting atau membuat kenyataan secara menipu atau tidak membuat kenyataan, maka Pengendali Takaful akan memulangkan wang yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful.

Untuk tujuan perenggan di atas, "perkara penting" atau "fakta penting" bermaksud perkara atau fakta, yang jika diketahui oleh Pengendali Takaful, akan menyebabkan keengganannya untuk mengeluarkan Sijil Takaful kepada Orang Dilindungi atau menyebabkannya mengenakan terma yang lebih ketat ke atas Orang Dilindungi daripada yang dikenakan dalam Sijil Takaful.

22. Salah Nyata/Penipuan

Sekiranya permohonan atau perakuan Orang Dilindungi tidak benar dalam apa jua hal atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjelaskan risiko disalahnyatakan di dalam ini atau tidak dinyatakan, atau jika perlindungan Takaful ini atau sebarang pembaharuanya diperolehi dengan memberikan sebarang kenyataan silap, salah nyata atau penyelindungan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai sokongannya, maka dalam apa jua kes tersebut, Sijil Induk ini akan dianggap batal.

23. Perkongsian Lebihan yang timbul daripada Dana Risiko Peserta

Lebihan akan ditentukan dan diisyiharkan, jika ada, oleh Pengendali Takaful. Pengiraan lebihan akan dibuat selepas setiap akhir tahun kewangan. Tertakluk kepada cadangan aktuari yang dilantik oleh Pengendali Takaful dan Jawatankuasa Syariah dan juga kelulusan oleh lembaga pengarah Pengendali Takaful, lebihan tersebut akan dikongsi antara Pengendali Takaful dan Orang Dilindungi pada nisbah 50:50. Bahagian lebihan Orang Dilindungi, jika ada, akan dikreditkan ke dalam PA beliau. Kelayakan Pengendali Takaful menerima lebihan adalah berdasarkan prinsip Ju'alah.

Bagaimanapun, jika Pengendali Takaful tidak dapat menghubungi Orang Dilindungi selepas mencuba sedaya upaya untuk menghubungi Orang Dilindungi dan tiada maklumat perbankan disediakan oleh Orang Dilindungi dalam borang cadangan, maka Orang Dilindungi bersetuju bahawa Pengendali Takaful akan:

- (a) memindahkan bahagian lebihan Orang Dilindungi kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut jika amaun lebihan tersebut bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan ke atas; ATAU
- (b) mendermakan bahagian lebihan Orang Dilindungi bagi apa-apa tujuan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah jika amaun lebihan tersebut adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10).

Pengendali Takaful hendaklah dimaklumkan tentang sebarang perubahan kepada maklumat perbankan Orang Dilindungi. Oleh yang demikian, selepas pembayaran lebihan tersebut, Pengendali Takaful akan dianggap dilepaskan daripada liabiliti atas pembayaran lebihan.

24. Perkongsian Lebihan yang timbul daripada Akaun Peserta

PA akan dilaburkan dalam instrumen patuh Syariah dan keuntungan pelaburan tahunan akan dikongsi antara Orang Dilindungi dan Pengendali Takaful pada nisbah 90:10. Bahagian Orang Dilindungi akan dikreditkan semula ke dalam PA, manakala bahagian Pengendali Takaful akan dipindahkan ke dalam Dana Pengendali Takaful. Kelayakan Pengendali Takaful terhadap keuntungan pelaburan adalah berdasarkan prinsip Mudarabah.

Jika terdapat sebarang kerugian pelaburan daripada PA, kerugian akan ditanggung oleh Orang Dilindungi.

25. Kegagalan Membayar Sumbangan

Jika semasa tamat tempoh ihsan dan pembayaran mana-mana Sumbangan Orang Dilindungi masih tertunggak, maka Pengendali Takaful berhak untuk mendahului baki amaun yang selara daripada PA untuk membayar Tabaruu' dan Sijil Takaful akan terus 'berkuat kuasa di bawah PA' sehingga baki amaun dalam PA adalah lebih rendah daripada amaun yang diperlukan untuk membayar Tabaruu'. Dalam tempoh ini, Sijil Takaful akan terus berkuat kuasa dan jika mana-mana Sumbangan Orang Dilindungi masih tidak berbayar selepas baki PA menjadi tidak mencukupi untuk membayar Tabaruu' lagi, Sijil Takaful akan luput dan tidak mempunyai sebarang nilai lanjut.

26. Kemudahan Pembayaran Sumbangan

Pembayaran oleh Pemegang Sijil Induk kepada Pengendali Takaful adalah menerusi pindahan telegraf ke akaun Pengendali Takaful atau sebarang kaedah lain yang dipersetujui bersama.

27. Mata Wang Pembayaran

Semua pembayaran di bawah Sijil Induk ini hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia. Sekiranya apa-apa bayaran diminta oleh Orang Dilindungi untuk dibayar dalam mata wang lain, amaun tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta pada kadar semasa pasaran mata wang Malaysia pada tarikh penyelesaan tuntutan.

28. Syarat Sebelum Liabiliti Diterima

Sebagai syarat sebelum PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful menerima sebarang liabiliti, Orang Dilindungi hendaklah mematuhi dan memenuhi terma, peruntukan dan syarat Sijil Induk ini dengan sepenuhnya dan sejauh mana melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi oleh Orang Dilindungi.

29. Notis

Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Perubahan kepada terma Sijil Induk ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.

30. Pembatalan

Sijil Induk ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Sijil Induk pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada Pengendali Takaful. Sijil Induk ini, jika tidak ditamatkan sebelumnya, akan tamat serta-merta selepas Sijil Takaful luput atau diserahkan.

Sijil Induk ini adalah untuk manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, gadai dan atau pemberian milik Sijil Induk ini dibuat tanpa persetujuan Pengendali Takaful maka Sijil Induk ini akan dibatalkan dengan serta-merta.

31. Pensijilan, Maklumat dan Bukti

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti yang diperlukan oleh Pengendali Takaful hendaklah dikemukakan atas perbelanjaan Orang Dilindungi, dan dalam bentuk seperti yang diperlukan oleh Pengendali Takaful. Dalam apa jua keadaan, semua notis yang perlu diberikan oleh Orang Dilindungi seperti yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful hendaklah diberikan secara bertulis dan dialamatkan kepada Pengendali Takaful. Orang Dilindungi hendaklah, atas permintaan dan perbelanjaan Pengendali Takaful, menjalani pemeriksaan perubatan apabila dianggap perlu.

32. Perubahan Risiko

Orang Dilindungi hendaklah memberi notis serta-merta secara bertulis kepada Pengendali Takaful mengenai sebarang perubahan penting dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau kegiatannya dan membayar sebarang caj tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Pengendali Takaful.

33. Subrogasi

Jika PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful perlu menanggung sebarang bayaran di bawah Sijil ini, PRF akan menerima hak subrogasi, setakat mana pembayaran dibuat untuk semua hak dan remedi Orang Dilindungi terhadap mana-mana pihak dan berhak atas perbelanjaannya untuk mengemukakan saman atas nama Orang Dilindungi. Orang Dilindungi hendaklah memberikan atau meminta diberikan kepada Pengendali Takaful segala bantuan yang mampu diberikannya, seperti yang dikehendaki Pengendali Takaful, untuk mendapatkan hak dan remedi dan atas permintaan Pengendali Takaful hendaklah melaksanakan atau meminta pelaksanaan semua dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Pengendali Takaful mengemukakan saman atas nama Orang Dilindungi.

34. Pemilikan Sijil Induk

Melainkan dinyatakan secara khusus menerusi Pengendorsan dalam Sijil Induk ini, Pengendali Takaful berhak untuk menganggap Pemegang Sijil Induk sebagai pemilik mutlak Sijil Induk. Pengendali Takaful tidak terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan kesaksamaan atau sebarang tuntutan lain atau kepentingan dalam Sijil Induk dan penerimaan Sijil Induk atau manfaat oleh Orang Dilindungi (atau oleh wakilnya yang sah di sisi undang-undang atau yang diberi kuasa) semata-mata akan menjadi pelepasan efektif terhadap semua tanggungan dan liabiliti PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful. Orang Dilindungi hendaklah dianggap sebagai prinsipal atau ejen Orang Dilindungi yang bertanggungjawab di bawah Sijil Induk ini.

35. Manfaat Kematian Biasa

Selagi Sijil Induk ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia akibat punca semula jadi sebelum mencapai umur enam puluh enam (66) tahun (umur pada hari jadi berikutnya), pemberitahuan dan bukti kematian (atas perbelanjaan penuntut) mesti difaikkan secepat mungkin di Ibu Pejabat Pengendali Takaful. Amaun Manfaat bagi Kematian Biasa seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful dan Nilai Akaun, jika ada, akan dibayar kepada Penama.

36. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Biasa

Selagi Sijil Induk ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi sebelum mencapai umur enam puluh enam (66) tahun (umur pada hari jadi berikutnya) mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat punca semula jadi sahaja, seperti yang ditakrifkan seterusnya, dan kekal hilang upaya secara berterusan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan, maka Amaun Manfaat untuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Biasa seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful dan Nilai Akaun, jika ada, adalah manfaat yang akan dibayar jika kematian berlaku pada tarikh hilang upaya tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) Sebaik saja mengalami TPD, butiran penuh mengenainya mesti dimaklumkan secara bertulis kepada Pengendali Takaful di Ibu Pejabatnya, bersama dengan alamat dan kedudukan Orang Dilindungi, dan, dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mengalami TPD.
- (b) Mana-mana pegawai perubatan Pengendali Takaful hendaklah dibenarkan untuk memeriksa Orang Dilindungi berkaitan dengan hilang upaya yang didakwa dengan cara dan pada masa yang

diperlukan oleh pegawai perubatan.

- (c) Dalam apa jua keadaan, Manfaat yang akan dibayar hendaklah dibayar dalam satu jumlah sekali gus tertakluk kepada had TPD maksimum. Had TPD maksimum semasa bagi setiap hayat ialah Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM8,000,000.00), untuk semua Manfaat TPD yang akan dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini, bagi Orang Dilindungi yang sama.
- (d) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi mana-mana satu daripada peruntukan di atas, tiada tuntutan disebabkan TPD akan timbul atau menjadi sah atau boleh dikuatkuasakan.
- (e) Hilang Upaya yang dirujuk di atas mestilah bersifat menyeluruh dan kekal, dan pada masa itu atau pada bila-bila masa selepas itu, Orang Dilindungi tidak boleh melakukan atau menjalankan sebarang kerja, pekerjaan atau profesi untuk meraih atau mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan.

Kejadian mana-mana yang berikut juga hendaklah dianggap sebagai TPD:

- (i) Hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan tidak boleh pulih; atau
- (ii) Hilang dua anggota menerusi pemotongan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang tidak boleh pulih;
- (iii) Hilang penglihatan satu (1) mata secara menyeluruh dan tidak boleh pulih dan hilang satu (1) anggota menerusi pemotongan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang tidak boleh pulih;
- (iv) Lumpuh menyeluruh yang tidak boleh pulih.

Sekiranya TPD berlaku disebabkan oleh mana-mana empat (4) syarat di atas (iaitu 36(e)(i,ii,iii,iv)), pembayaran Manfaat hendaklah dibuat dengan serta-merta.

- (f) Hilang Upaya mestilah berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk dianggap kekal. Namun begitu, Hilang Upaya hendaklah bermaksud sebagai telah bermula pada hari pertama hilang upaya tersebut berlaku.
- (g) Definisi Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) (untuk orang tanpa gaji atau tidak dibayar gaji): Pengesahan oleh Pakar Perunding Perubatan tentang kehilangan upaya berdikari yang kekal untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan yang menyebabkan ketiadaan upaya yang kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian berikut sama ada dengan atau tanpa penggunaan peralatan mekanikal, peralatan khas atau bantuan dan penyesuaian lain yang digunakan oleh orang kurang upaya. Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekal" hendaklah bermaksud tiada harapan untuk pulih dengan ilmu dan teknologi perubatan semasa.

37. Keadaan Sedia Ada

Keadaan Sedia Ada hendaklah bermaksud hilang upaya yang sewajarnya diketahui oleh Orang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful. Orang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya tentang keadaan sedia ada apabila keadaan tersebut adalah salah satu daripada yang berikut: -

- (a) Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (b) rawatan perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) gejala jelas dan nyata dilihat atau telah terbuktii; atau
- (d) kewujudannya jelas kepada orang yang waras dalam keadaan tersebut.

Peruntukan berikut hanya untuk Pelan Intan, Delima, Topas, Zamrud dan Nilam sahaja:

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Sijil Induk, tiada Manfaat akan dibayar jika kematiian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh Kekal (TPD) disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada melainkan pada masa kematiian atau TPD. Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful.

Peruntukan berikut hanya untuk Pelan Berlian sahaja:

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Sijil Induk, tiada Manfaat akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) disebabkan oleh Keadaan Sedia ada melainkan pada masa TPD, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful.

38. Pengecualian Kematian Biasa

Sekiranya Orang Dilindungi sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman membunuh diri dalam masa satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful, meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit kelamin lain, tiada Manfaat Kematian selain daripada Nilai Akaun akan dibayar.

Peruntukan berikut berkuat kuasa untuk Pelan Berlian:

Sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh punca semula jadi, tiada Manfaat Kematian akan dibayar melainkan pada masa kematian, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada tiga (3) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful.

39. Pengecualian Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

Tiada Manfaat, selain daripada Nilai Akaun akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh Kekal disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- (a) kecederaan yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- (b) pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah yang disyorkan oleh Pengamal Perubatan berkecilogyan yang sah; atau
- (c) melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau
- (d) sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi; atau
- (e) jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS; atau
- (f) sebarang gangguan mental atau sakit jiwa; atau
- (g) apa jua sebab semasa menganggotai angkatan tentera, polis dan separa tentera disebabkan oleh perang yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, rusuhan atau kekacauan awam; atau
- (h) perkhidmatan tentera atau tentera laut pada masa peperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, semasa di bawah arahan untuk operasi seperti peperangan atau memulihkan ketenteraman awam.

40. Tempoh Perlindungan

Sijil Induk ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk.

Memandangkan Sijil Induk ini ialah skim terbuka, permohonan untuk pertukaran manfaat kepada pelan lebih tinggi boleh dibuat pada bila-bila masa dan tertakluk kepada penerimaan oleh Pengendali Takaful.

41. Undang-Undang Berkut Kuasa

Sijil Induk ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah ini hendaklah ditakrifkan, ditentukan dan dikuatkuasakan berlandaskan Syariah dan undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di dalam ini terikat kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

42. Cukai Kerajaan dan/atau Caj Berkanun/Peraturan Yang Dikenakan, Yuran dll.

- (a) Untuk tujuan Fasal ini:

"Cukai" bermaksud sebarang bentuk cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, pemotongan atau penahanan cukai Malaysia atau asing yang dikenakan pada masa kini atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai penggunaan dan cukai lain atas apa jua nama, dan sebarang denda atau penalti berhubung dengannya.

"Pihak Berkuasa yang Berkenaan" bermaksud mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang memungut cukai.

- (b) Sumbangan dan semua wang lain yang perlu dibayar oleh Orang Dilindungi kepada Pengendali Takaful di bawah Sijil Induk ini, termasuk sebarang amaun yang merupakan bayaran ganti yang perlu dibayar oleh Orang Dilindungi kepada Pengendali Takaful adalah tidak termasuk mana-mana Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan atau mengambil kira sebarang tuntutan balasan atau sebarang pemotongan atau penahanan.
- (c) Sekiranya Orang Dilindungi diperlukan di bawah undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau penahanan daripada Sumbangan dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar kepada Pengendali Takaful di bawah Sijil Induk ini berhubung dengan sebarang Cukai atau selainnya, jumlah yang perlu dibayar oleh Orang Dilindungi yang membabitkan pemotongan atau penahanan tersebut hendaklah ditambah supaya Sumbangan bersih dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh Pengendali Takaful adalah sama dengan apa yang patut diterima Pengendali Takaful jika tiada pemotongan atau penahanan diperlukan atau dibuat.
- (d) Sebagai tambahan kepada Sumbangan dan semua wang lain yang perlu dibayar, Orang Dilindungi hendaklah membayar kepada Pengendali Takaful semua Cukai yang berkenaan pada kadar semasa yang berkaitan dan/atau amaun sedemikian seperti yang ditentukan oleh Pengendali Takaful untuk menampung sebarang pembayaran/liabiliti/kewajipan Cukai yang berhubung dengannya, tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang penolakan mengambil kira sebarang tuntutan balas atau sebarang pemotongan atau penahanan, selain daripada sebarang Cukai yang mungkin diwajibkan di bawah sebarang undang-undang yang perlu dibayar terus oleh Orang Dilindungi kepada mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan, yang Orang Dilindungi akan memindahkan terus kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan.
- (e) Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat antara Pengendali Takaful dan pihak berkuasa cukai berkaitan bagi sebarang amaun yang telah dibayar sebagai Cukai yang berbangkit daripada sebarang bekalan yang dibuat atau dianggap telah dibuat atau perkara lain yang berhubung dengan perjanjian ini oleh Pengendali Takaful, pelarasan yang sesuai boleh dilakukan antara Pengendali Takaful dan Orang Dilindungi, dan dalam keadaan itu, sebarang pembayaran yang diperlukan untuk melaksanakan pelarasan tersebut hendaklah dibuat.
- (f) Pemegang Sijil Induk dengan ini bersetuju untuk melakukan semua perkara munasabah yang diminta oleh Pengendali Takaful untuk membantu Pengendali Takaful memenuhi kewajipannya di bawah mana-mana undang-undang berkuat kuasa yang mana Cukai dikenakan. Sekiranya sesuatu Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan ke atas transaksi yang dipertimbangkan dalam Sijil Induk ini, Orang Dilindungi bersetuju untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Pengendali Takaful untuk membantu Pengendali Takaful memenuhi kewajipan di bawah undang-undang berkaitan.
- (g) Pemegang Sijil Induk hendaklah menanggung kerugian Pengendali Takaful dan melindungi Pengendali Takaful daripada sebarang liabiliti yang timbul akibat sebarang pelanggaran kewajipan di pihak Orang Dilindungi untuk membayar Cukai yang dinyatakan di dalam ini, bersama semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada pelanggaran tersebut. Tiada apa-apa dalam Sijil Induk ini yang memerlukan Pengendali Takaful untuk membayar sebarang amaun denda, penalti atau jumlah lain yang menjadi tanggungjawab Orang Dilindungi.

- (h) Untuk mengelakkan keraguan, pihak-pihak terbabit bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang akan digunakan dalam pengiraan jumlah yang perlu dibayar yang dinyatakan di bahagian lain dalam Sijil Induk ini telah ditetapkan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang akan ditambah di bawah fasil ini untuk Cukai.

43. Pembubaran Wakalah

Pembubaran Wakalah hanya akan berlaku selepas mana-mana daripada keadaan berikut:

- sekiranya Sijil dielakkan seperti yang dinyatakan dalam Fasal VII perkara no. 14 dan no. 21, atau
- sekiranya berlaku penamatian Sijil seperti yang dinyatakan dalam Fasal V.

Sekiranya Sijil Takaful dielakkan, Pengendali Takaful akan memulangkan Yuran Wakalah yang dibayar kepada Orang Dilindungi. Selepas itu, liabiliti Pengendali Takaful di bawah Sijil Takaful ini dianggap dilepaskan. Bagaimanapun, sekiranya berlaku penamatian Sijil Takaful, Yuran Wakalah akan disimpan oleh Pengendali Takaful.

44. Salah Urus atau Kecuaian

Pengendali Takaful berusaha untuk menguruskan Dana Takaful dan operasi Takaful dengan cara yang berhemat dan berlandaskan Syariah. Namun begitu, salah urus dan kecuaian mungkin berlaku semasa Sijil ini berkuat kuasa. Berikut adalah antara keadaan yang mungkin berlaku tetapi tidak terhad kepada:

- perisurusan aset dan pelaburan yang berterusan dengan matal pelaburan yang dilengkapai atau dasar yang diluluskan;
- kegagalan untuk memastikan kiriman Sumbangan dibuat tepat pada masanya oleh ejen Pengendali Takaful walaupun Orang Dilindungi membayar Sumbangan tepat pada masanya; atau
- pendedahan tidak tepat tentang risiko yang akan ditanggung oleh Orang Dilindungi.

Apabila berlaku salah urus atau kecuaian, Pengendali Takaful akan bertanggungjawab sepenuhnya dan mengambil tindakan yang perlu termasuk menampung defisit atau kerugian kepada Dana Takaful menerusi pemindahan terus daripada dana Pengendali Takaful.

45. Pencegahan, Sekatan dan Pengecualian Pengubahan Wang

Walau apa pun yang terkandung di dalam Sijil Induk ini, Pengendali Takaful tidak boleh dianggap sebagai memberikan sebarang perlindungan Takaful dan tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan sebarang Manfaat setakat mana pemberian perlindungan Takaful tersebut, bayaran tuntutan atau Manfaat tersebut akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada sebarang perlanggaran Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 atau larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana undang-undang atau peraturan tempatan lain.

46. Aduan

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana perkhidmatan yang diberikan oleh Pengendali Takaful dan/atau perkara berkaitan Sijil Induk anda, sila hubungi dan/atau tulis surat kepada:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad
Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.
Tel: 03-7650 1800
Faks: 03-7620 6730

E-mail: ReachUs@hmt.com.my

Jika penuntut tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, penuntut boleh mengemukakan rayuan kepada Pengendali Takaful.

Jika penuntut masih tidak berpuas hati dengan keputusan Pengendali Takaful, penuntut boleh merayu kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan di alamat berikut dalam tempoh enam (6) bulan selepas keputusan Pengendali Takaful dengan memberikan keterangan ringkas aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil Takaful:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-22722811
No. Faks: 03-22721577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman web: www.ofs.org.my

Sebarang pertanyaan atau aduan tentang apa-apa perkara berkaitan Takaful bagi Sijil Induk ini boleh dirujuk kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Tingkat Bawah, Blok D
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

ATAU

Pengarah
Jabatan LINK dan Pejabat BNM
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5485
(Luar Negara: +603-2174 1717)
Faks: 03-2174 1515
E-mel: brmtelelink@bnm.gov.my

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN
HILANG UPAYA SEBAHAGIAN DAN KEKAL

Sijil Hilang Upaya Sebahagian dan Kekal ini (seterusnya dirujuk di dalam ini sebagai "Takaful Tambahan") adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsirkan sedemikian. Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berasaskan syarat dan keistimewaan yang dinyatakan seterusnya, membayar indemniti bagi kehilangan menurut Jadual Indemniti seperti yang dinyatakan dalam Bahagian (II) di dalam ini. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi asas Takaful Tambahan ini.

I. DEFINISI HILANG UPAYA SEBAHAGIAN DAN KEKAL

Hilang Upaya Sebahagian Kekal (PPD) yang timbul daripada akibat apa-apa sebab yang berlaku dalam tempoh penyertaan dan berterusan tanpa henti untuk tempoh sekurang-kurangnya seratus lapan puluh (180) hari, dan disebabkan hilang upaya tersebut. Orang Dilindungi tidak dapat melibatkan diri secara sebahagian dan kekal dalam perniagaan atau pekerjaannya yang biasa atau hanya boleh melakukan kerja lebih ringan dengan kekuatan badan yang seadanya untuk pampasan atau keuntungan lebih rendah.

II. JADUAL INDEMNITI

Peratus Jumlah Dilindungi

1. Kehilangan lengan	
- pada bahu	100%
- antara bahu dan siku	100%
- pada siku	100%
- antara siku dan pergelangan tangan	100%
2. Kehilangan tangan pada pergelangan tangan	100%
3. Kehilangan kaki	
- pada pinggul	100%
- antara lutut dan pinggul	100%
- di bawah lutut	100%
4. Kehilangan mata	
- seluruh mata	100%
- penglihatan	100%
- penglihatan, kecuali pengamatan cahaya	50%
- kanta	50%
5. Kehilangan upaya bertutur penuh	50%
6. Kehilangan pendengaran	
- kedua-dua telinga	75%
- sebelah telinga	25%
7. Kehilangan empat jari dan satu ibu jari di sebelah tangan	50%
8. Kehilangan empat jari	40%
9. Kehilangan ibu jari	
- kedua-dua falanks	25%
- satu falanks	10%
10. Kehilangan jari telunjuk	
- tiga falanks	10%
- dua falanks	8%
- satu falanks	4%
11. Kehilangan jari hantu	
- tiga falanks	6%
- dua falanks	4%
- satu falanks	2%
12. Kehilangan jari manis	
- tiga falanks	5%
- dua falanks	4%

- satu falanks	2%
13. Kehilangan jari kelingking	
- tiga falanks	4%
- dua falanks	3%
- satu falanks	2%
14. Kehilangan metakarpus	
- perlama atau kedua (tambahan)	3%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
15. Kehilangan jari kaki	
- semua	15%
- ibu jari, kedua-dua falanks	5%
- ibu jari, satu falanks	2%
- selain daripada ibu jari, jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki.....	1%

Agregat semua peratusan yang akan dibayar bagi mana-mana satu kejadian tidak akan melebihi 100% daripada Amaun Manfaat bagi Hilang Upaya Sebahagian dan Kakal (Biasa dan Kemalangan) seperti yang ditakrifkan dalam Sijil Takaful.

"Kehilangan" seperti yang dinyatakan di atas ditakrifkan sebagai kehilangan penggunaan menyeluruh akibat semua sebab. Sekiranya kecederaan tidak dinyatakan, Pengendali Takaful akan menggunakan peratus hilang upaya dalam Jadual Indemniti di atas, yang pada pendapatnya adalah konsisten dengan peruntukan Manfaat tersebut.

Hanya satu daripada amaun di atas, iaitu yang lebih besar, akan dibayar sekiranya Orang Dilindungi mengalami lebih daripada satu kehilangan disebabkan oleh satu kemalangan.

Jika pembayaran kurang daripada 100% daripada Amaun Manfaat Asas yang dibuat di bawah Takaful Tambahan ini, perlindungan akan dikurangkan dengan seujarnya mengikut baki peratus Amaun Manfaat yang dibayar. Sekiranya pembayaran 100% Amaun Manfaat dibuat, seluruh perlindungan di bawah Takaful Tambahan ini bagi Orang Dilindungi akan tamat secara automatik.

III. MANFAAT

Sebagai pertimbangan bagi pembayaran Sumbangan menurut Bahagian (III) dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung seterusnya dan kepada syarat dalam Bahagian (V) tersebut, Pengendali Takaful akan membayar, di ibu Pejabatnya buat masa ini, jumlah seperti yang ditetapkan dalam Bahagian (II) tersebut kepada Orang Dilindungi dan selepas bukti diberikan kepada Pengendali Takaful sekiranya berlaku mana-mana satu kehilangan yang dinyatakan di bawah Bahagian (II) tersebut, kecuali:

1. Kehilangan yang dialami selepas tamat Sijil Induk.
2. Kehilangan yang dialami selepas ulang tahun bulanan Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful selepas Orang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun.

Jika perlindungan di bawah Takaful Tambahan ini yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk hanya meliputi kehilangan akibat punca kemalangan, yang berikut juga dikecualikan:

1. Sekiranya berlaku kehilangan yang bukan disebabkan secara langsung dan berlaku selepas tiga (3) bulan kalender mengalami kecederaan badan yang disebabkan oleh kejadian malang, tidak disengajakan, luaran dan ketara; dan
2. Sekiranya berlaku kehilangan yang disebabkan oleh penyakit atau kesakitan.

IV. SYARAT-SYARAT

1. Semua Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan ditarik balik jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko kepada Pengendali Takaful, termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberikan kepada Pengendali Takaful dan kebenaran bertulis daripada mereka untuk meneruskan Takaful telah diperolehi.
2. Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya di dalam ini, amaun maksimum yang mungkin akan dibayar di bawah Takaful Tambahan ini, tidak akan melebihi 100% daripada Amaun Manfaat Asas bagi Orang Dilindungi atau sekiranya Orang Dilindungi mengalami mana-mana kehilangan nombor 1 hingga 15 seperti yang ditetapkan di bawah Bahagian (II) tersebut atau bahagian sekadarnya.
3. Sebaik selepas Pemegang Sijil Induk atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pihak Pemegang Sijil Induk maklum tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, notis hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dan semua maklumat, bantuan dan dokumen yang diketahui atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk atau orang lain sedemikian atau mana-mana orang bagi pihaknya atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan menguruskan perkara tersebut hendaklah dalam tempoh masa yang sewajarnya diberikan kepada Pengendali Takaful oleh atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bukti selanjutnya tersebut, (termasuk sijil perubatan dan perakuan berkanun) yang mungkin diperlukan dengan sewajarnya oleh Pengendali Takaful, hendaklah diberikan dengan cara yang sama untuk tujuan melaksanakan sebarang tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini.
4. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, Orang Dilindungi hendaklah dalam masa dua (2) minggu diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang layak dan berdaftar dan dalam masa tujuh (7) hari selepas diminta berbuat demikian, mengemukakan kepada Pengendali Takaful menerusi dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk, satu laporan bertulis oleh pengamal perubatan tersebut menerangkan tentang kejadian kecederaan serta jenis dan tahap kecederaan yang dialami dan butiran tentang sebarang pembedahan yang dilakukan atau mungkin dilakukan dan umumnya semua butiran lain melibatkan kecederaan tersebut yang mungkin diperlukan oleh Pengendali Takaful. Orang Dilindungi hendaklah menjalani rawatan perubatan dan pembedahan (termasuk sebarang pembedahan) yang mungkin dianggap perlu oleh penasihat perubatan Orang Dilindungi.
5. Selepas berlaku mana-mana kejadian di atas, Orang Dilindungi hendaklah pada masa yang sewajarnya, menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang layak dan berdaftar yang dilantik oleh Pengendali Takaful.
6. Pengendali Takaful berhak untuk membatalkan Takaful Tambahan ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan Takaful Tambahan ini, jika belum ditamatkan sebelum ini, hendaklah tamat serta-merta jika Sijil Induk ditamatkan. Apabila Takaful Tambahan ini ditamatkan, tiada sumbangan yang dibayar di bawahnya boleh dipulangkkan kecuali bagi sebarang bahagian belum digunakan yang telah dibayar untuk melindungi tempoh selepas penamatkan.
7. Selepas berlaku mana-mana kehilangan nombor 1 hingga 15 yang ditetapkan di bawah Bahagian (II) di dalam ini, semua perlindungan di bawah Takaful Tambahan ini akan tamat serta-merta dan tidak melindungi sebarang kejadian seterusnya. Perlindungan selanjutnya, (jika ada), sekiranya amaun yang dibayar di bawah Manfaat Takaful Tambahan ini adalah kurang 100% daripada Amaun Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Sebahagian (Biasa dan Kemalangan), di bawah Takaful Tambahan ini, hanya diguna pakai bagi Manfaat yang tinggal di bawah Takaful Tambahan ini.
8. Takaful Tambahan ini adalah semata-mata untuk Manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, caj atau pindah milik Takaful Tambahan ini dibuat tanpa kebenaran Pengendali Takaful, maka Takaful Tambahan ini hendaklah dianggap dibatalkan serta-merta.

V. KEADAAN SEDIA ADA

Keadaan Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang sewajarnya diketahui oleh Orang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful. Orang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya tentang keadaan sedia ada apabila keadaan tersebut adalah salah satu daripada yang berikut:-

1. Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan baginya;
2. rawatan perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
3. gejala jelas dan nyata dilihat atau telah dilihat; atau
4. kewujudannya jelas kepada orang yang waras dalam keadaan tersebut.

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Takaful Tambahan ini, tiada Manfaat akan dibayar jika Hilang Upaya Sebahagian dan Kekal (PPD) adalah disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada melainkan pada masa PPD, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari tarikh kuat kuasa perlindungan dan Orang Dilindungi telah mendedahkan dengan sewajarnya kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderait sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum permulaan perlindungan.

VI. PENGECAULIAN

Manfaat tidak akan dibayar jika Hilang Upaya Sebahagian dan Kekal disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. Keadaan Sedia Ada; atau
2. kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
3. sengaja menyalahgunakan alkohol dan/atau pengambilan ubat, dadah atau narkotik selain daripada mengikut arahan Pengamal Perubatan berdaftar; atau
4. melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa juia kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau
5. sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi; atau
6. jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS; atau
7. perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa peperangan diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, semasa di bawah arahan bagi operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
8. kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
9. penglibatan dalam sebarang aktiviti mendaki gunung atau memanjat batu; atau
10. penyertaan dalam atau latihan bagi apa-apa sukan atau pertandingan berbahaya atau memudaraikan atau menunggang atau memandu dalam sebarang bentuk perlumbaan atau pertandingan.



هوج ليوغ مس أح تكافل

HongLeong MSIG Takaful

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Sijil Kematian Akibat Kemalangan ini (seterusnya dirujuk sebagai "Takaful Tambahan") adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsir sedemikian. Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berdasarkan syarat dan keistimewaan yang dinyatakan seterusnya, menyediakan pembayaran sekali gus yang bersamaan Amaun Manfaat seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia seperti yang dihadkan kepada Punca Kematangan. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi atasas Takaful Tambahan ini.

I. DEFINISI KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Punca Kematangan bermaksud kejadian secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan khusus yang berlaku pada masa dan di tempat yang dikenal pasti, yang bebas daripada sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya punca kecederaan badan.

Sekiranya pembayaran 100% Amaun Manfaat dibuat seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful, seluruh perlindungan Takaful bagi Orang Dilindungi di bawah Takaful Tambahan ini akan tamat secara automatik.

II. MANFAAT

Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalam ini dan kepada syarat Bahagian (III) tersebut, Pengendali Takaful hendaklah membayar, di ibu Pejabatnya buat masa ini, Amaun Manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful dan Nilai Akaun, jika ada, kepada Penaruna, selepas kontrak ini dihantar dan bukti diberikan kepada Pengendali Takaful sekiranya berlaku Kematian, jika yang berikut tidak berlaku: -

1. selepas tamat Sijil Induk.
2. pada ulang tahun bulanan Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful selepas Orang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun, pada hari jadi berikutnya.

III. SYARAT-SYARAT

1. Semua Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan ditarik balik jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko kepada Pengendali Takaful, termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberikan kepada Pengendali Takaful dan kebenaran bertulis daripada mereka untuk meneruskan Takaful telah diperolehi.
2. Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya di dalam ini, amaun maksimum yang mungkin akan dibayar di bawah Takaful Tambahan ini, tidak akan melebihi 100% daripada Amaun Manfaat Asas bagi Orang Dilindungi.
3. Sebaik selepas Pemegang Sijil Induk atau mana-mana orang yang berlanggungjawab bagi pihak Pemegang Sijil Induk maklum tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, notis bertulis hendaklah diberikan kepada Ibu Pejabat Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian tersebut dan semua maklumat, bantuan dan dokumen yang diketahui atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk atau orang lain sedemikian atau mana-mana orang bagi pihaknya atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan menguruskan perkara tersebut hendaklah dalam tempoh masa yang sewajarnya diberikan kepada Pengendali Takaful oleh atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bukti selanjutnya tersebut, (termasuk sijil perubatan dan perakuan berkanun) yang mungkin diperlukan dengan sewajarnya oleh Pengendali Takaful, hendaklah diberikan dengan cara yang sama untuk tujuan melaksanakan sebarang tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini.
4. Walau apa pun amaun Manfaat yang akan dibayar bagi setiap Orang Dilindungi, had agregat liabiliti bagi PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful setiap pengangkutan atau tempat di bawah Sijil Induk ini hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00).
5. Pengendali Takaful berhak untuk membatalkan Takaful Tambahan ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan Takaful Tambahan ini, jika belum ditamatkan sebelum ini, hendaklah tamat serta-merta jika Sijil Induk ditamatkan. Apabila Takaful Tambahan ini ditamatkan, tiada Sumbangan yang dibayar di bawahnya boleh dipulangkan kecuali bagi sebarang bahagian belum digunakan yang telah dibayar untuk melindungi tempoh selepas penamatan.
6. Takaful Tambahan ini adalah semata-mata untuk manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, caj atau pindah milik Takaful Tambahan ini dibuat tanpa kebenaran Pengendali Takaful, maka Takaful Tambahan ini hendaklah dianggap dibatalkan serta-merta.

IV. PENGECUALIAN

Manfaat tidak akan dibayar jika Kematian Akibat Kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
2. sengaja menyalahgunakan alkohol dan/atau pengambilan ubat, dadah atau narkotik selain daripada mengikut arahan Pengamal Perubatan berdaftar; atau
3. melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau
4. sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi; atau

5. jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS; atau
6. perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa peperangan disyiharkan atau tidak disyiharkan, semasa di bawah arahan bagi operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraan awam; atau
7. kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
8. penglibatan dalam sebarang aktiviti mendaki gunung atau memanjat batu; atau
9. penyertaan dalam atau latihan bagi apa-apa sukan atau pertandingan berbahaya atau memudaratkan atau menunggang atau memandu dalam sebarang bentuk perlumbaan atau pertandingan.

RUANGAN INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN
HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (TPD)

Sijil Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) ini (seterusnya dirujuk di dalam ini sebagai "Takaful Tambahan") adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsirkan sedemikian. Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang dilunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berasaskan syarat dan keistimewaan yang dinyatakan seterusnya, menyediakan pembayaran sekali gus Amaun Manfaat seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful sekiranya Orang Dilindungi mengalami TPD yang dihadkan kepada Punca Kemalangan. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetuju menjadi atasas Takaful Tambahan ini.

I. DEFINISI HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (TPD)

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) bermaksud sebarang ketidakupayaan penuh dan berterusan Orang Dilindungi akibat kecederaan atau penyakit untuk melakukan atau terlibat dalam apa-apa kerja, pekerjaan atau perniagaan untuk memperolehi sebarang pampasan atau keuntungan.

II. MANFAAT

Selagi Sijil Induk ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Dilindungi sebelum mencapai umur enam puluh enam (66) tahun mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat Punca Kemalangan sahaja, seperli yang ditakrifkan seterusnya, dan kekal hilang upaya secara berterusan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan, maka Manfaat yang akan dibayar di bawah Takaful Tambahan ini adalah bayaran yang bersamaan Manfaat yang akan dibayar jika kematian kemalangan berlaku pada tarikh hilang upaya.

Manfaat TPD akibat kemalangan yang akan dibayar ialah:

1. Amaun Manfaat yang dinyatakan dalam Sijil Takaful bagi Orang Dilindungi; dan
2. Nilai Akaun, jika ada, bagi Orang Dilindungi selepas pemberitahuan TPD.

Manfaat yang akan dibayar tertakluk kepada syarat berikut: -

- (a) Sebaik sahaja mengalami TPD, butiran penuh mengenainya mesti dimaklumkan secara bertulis kepada Pengendali Takaful di Ibu Pejabatnya, bersama dengan alamat dan kedudukan Orang Dilindungi, dan, dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mengalami TPD tersebut.
- (b) Mana-mana pegawai perubatan Pengendali Takaful hendaklah dibenarkan untuk memeriksa Orang Dilindungi berkaitan dengan hilang upaya yang didakwa dengan cara dan pada masa yang diperlukan oleh pegawai perubatan.
- (c) Dalam apa jua keadaan, Amaun Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini hendaklah dibayar dalam satu jumlah sekali gus tertakluk kepada had TPD maksimum. Had TPD maksimum semasa bagi setiap hayat ialah Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM8,000,000.00), untuk semua Manfaat TPD yang akan dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini, bagi Orang Dilindungi yang sama.
- (d) Jika terdapat kegagalan mematuhi mana-mana satu daripada peruntukan di atas, tiada tunutan disebabkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan timbul atau menjadi sah atau boleh dikuatkuasakan.
- (e) Hilang Upaya yang dirujuk di atas mestilah bersifat menyeluruh dan kekal, dan Orang Dilindungi tidak boleh melakukan atau menjalankan sebarang kerja, pekerjaan atau profesi untuk meraih atau mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan.

Kejadian mana-mana yang berikut juga hendaklah dianggap sebagai TPD:

- (i) Hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan tidak boleh pulih; atau
- (ii) Hilang dua atau lebih anggota menerusi amputasi pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang tidak boleh pulih;
- (iii) Hilang penglihatan satu (1) mata secara menyeluruh dan tidak boleh pulih dan hilang satu (1) anggota menerusi amputasi pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang tidak boleh pulih;
- (iv) Lumpuh menyeluruh yang tidak boleh pulih.

Sekiranya TPD berlaku disebabkan oleh mana-mana empat (4) syarat di atas [iaitu perkara (e)(i,ii,iii,iv)], pembayaran Manfaat hendaklah dibuat dengan serta-merta.

- (f) TPD mestilah berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk dianggap kekal. Namun begitu, Hilang Upaya hendaklah bermaksud sebagai telah bermula pada hari pertama hilang upaya tersebut berlaku.
- (g) Definisi Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) (untuk orang tanpa gaji atau tidak dibayar gaji): Pengesahan oleh Pakar Perunding Perubatan tentang kehilangan upaya berdikari yang kekal untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan yang menyebabkan ketuadaan upaya yang kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian berikut sama ada dengan atau tanpa penggunaan peralatan mekanikal, peralatan khas atau bantuan dan penyesuaian lain yang digunakan oleh orang kurang upaya. Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekal" hendaklah bermaksud tiada harapan untuk pulih dengan ilmu dan teknologi perubatan semasa.

III. PENGECUALIAN

Manfaat tidak akan dibayar jika TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
2. sengaja menyalahgunakan alkohol dan/atau pengambilan ubat, dadah atau narkotik selain daripada mengikut arahan Pengamal Perubatan berdaftar; atau
3. melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau
4. sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Dilindungi; atau
5. sebarang gangguan mental atau sakit jiwa; atau
6. jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS; atau
7. perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa peperangan diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, semasa di bawah arahan bagi operasi seperti peperangan atau pemuliharan ketenteraan awam; atau
8. kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
9. penglibatan dalam sebarang aktiviti mendaki gunung atau memanjat batu; atau
10. penyertaan dalam atau latihan bagi apa-apa sukan atau pertandingan berbahaya atau memudaratkan atau menunggang atau memandu dalam sebarang bentuk perlumbaan atau pertandingan.

.....
RUANGAN INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG
.....

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN
PENYAKIT KRITIKAL (MANFAAT PEMBAYARAN DIPERCEPATKAN)

Sijil Penyakit Kritikal (Manfaat Pembayaran Dipercepatkan) (seterusnya dirujuk sebagai "Takaful Tambahan") ini adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsirkan sedemikian. Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berasaskan syarat dan keistimewaan yang dinyatakan seterusnya di dalam ini, menyediakan pembayaran yang dipercepatkan untuk Amaun Manfaat bagi Kematian dan/atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atas sebab semula jadi di bawah Sijil Takaful sekiranya Orang Dilindungi disahkan menghidap Penyakit Kritikal seperti yang dihadkan dan ditetapkan di dalam ini. WALAU APA PUN yang menyatakan sebaliknya, penerimaan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini akan secara automatik mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas bagi Orang Dilindungi sebanyak amaun yang akan dibayar di bawah Manfaat Penyakit Kritikal ini. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi atasas Takaful Tambahan ini.

I. DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI ("PENYAKIT DILINDUNGI")

1. STROK- yang menyebabkan Defisit Neurologi Kekal dengan Gejala Klinikal Berterusan

Kematian tisu otak disebabkan oleh kekurangan bekalan darah, pendarahan di dalam tengkorak atau embolisasi daripada sumber luar kranium yang menyebabkan Defisit Neurologi Kekal dengan Gejala Klinikal Berterusan. Diagnosis mestilah berdasarkan perubahan yang ditunjukkan dalam imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum tiga (3) bulan dikenakan.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- (i) Serangan iskemia sementara (TIA)
- (ii) Gejala serebrum akibat migrain
- (iii) Kecederaan trauma kepada tisu otak atau salur darah
- (iv) Penyakit vaskular yang menjelaskan mata atau saraf optik atau fungsi vestibul

2. SERANGAN JANTUNG – pada tahap keterukan tertentu

Kematian otot jantung, akibat bekalan darah tidak mencukupi, yang menyebabkan semua daripada bukti infarksi miokardium akut yang berikut:

- (i) Sejarah sakit jantung berpanjangan yang lazim;
- (ii) Perubahan ciri elektrokardiograf baharu; dengan mana-mana perkembangan yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan gelombang T, gelombang patologi Q atau sekatan cabang berkas kiri; dan
- (iii) Peningkatan biopenanda kardium, termasuk CPK-MB melebihi paras makmal normal yang diterima umum atau Troponin yang dicatatkan pada paras berikut atau lebih tinggi:
 - Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium $> / = 0.5 \text{ ng/ml}$

Bukti mesti menunjukkan infarksi miokardium akut jelas, yang perlu disahkan oleh pakar kardiolegi atau Pakar Perubatan.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil,
- peningkatan dalam biopenanda kardium yang timbul daripada prosedur perkutaneous untuk penyakit arteri koronari.

3. KEGAGALAN BUAH PINGGANG – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikenal pasti sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih fungsi kedua-dua buah pinggang, menyebabkan dialisis secara berkala dimulakan atau pemindahan buah pinggang perlu dijalankan.

4. KANSER- pada tahap keterukur tertentu dan tidak melindungi kanser peringkat sangat awal

Sebarang tumor malignan yang disahkan secara positif menerusi pengesahan histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan tidak terkawal sel malignan dan serangan tisu. Istilah tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- (i) Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai mana-mana yang berikut:
 - pramalignan
 - bukan invasif
 - karsinoma in situ
 - mempunyai kemalignan pinggiran
 - berpotensi menjadi malignan
- (ii) Semua tumor prostat yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM)
- (iii) Semua tumor tiroid yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM)
- (iv) Semua tumor pundi kencing yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM)
- (v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada Peringkat 3 RAI
- (vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV
- (vii) Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan

5. PEMBEDAHAN PINTASAN ARTERI KORONARI

Merujuk kepada pembedahan dada terbuka sebenar yang dijalankan untuk membetulkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) menerusi penggrafen pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- angioplasti;
- teknik intra-arteri dan berdasarkan kateter lain;
- prosedur lubang kunci;
- prosedur laser.

6. PENYAKIT ARTERI KORONARI SERIUS

Penyempitan lumen Arteri Koronari Kanan (RCA), Arteri Menurun Anterior Kiri (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabangnya) yang berlaku pada masa yang sama sebanyak sekurang-kurangnya enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang terbukti menerusi arteriografi koronari (prosedur diagnostik yang tidak invasif tidak dilindungi). Penyempitan enam puluh peratus (60%) atau lebih daripada Cabang Utama Kiri akan dianggap penyempitan Arteri Menurun Anterior Kiri (LAD) dan Arteri Sirkumfleks. Pembayaran akan dibuat untuk kejadian dilindungi ini tidak kira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan.

7. ANGIOPLASTI DAN RAWATAN INVASIF LAIN UNTUK PENYAKIT ARTERI KORONARI

Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau pemasukan sten yang sebenar untuk membetulkan penyempitan atau sekatan satu atau lebih arteri koronari seperti yang dilihat daripada bukti angiografi.



Prosedur penyiasatan intra-arteri tidak dilindungi. Pembayaran di bawah fasal ini terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada Amaun Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini tertakluk kepada maksimum RM25,000. Kejadian dilindungi ini akan dibayar sekali sahaja dan hendaklah dipotong daripada jumlah Takaful Tambahan, lantas mengurangkan amaun pembayaran sekali gus yang akan dibuat.

8. KEGAGALAN HATI PERINGKAT AKHIR

Kegagalan hati peringkat akhir yang dibuktikan oleh semua daripada yang berikut:

- Penyakit kuning kekal;
- Asites (bendalir berlebihan dalam rongga peritoneum); dan
- Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati yang berpunca daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah tidak dilindungi.

9. HEPATITIS VIRAL FULMINAN

Nekrosis (kematian tisu hati) submasif hingga masif yang disebabkan oleh mana-mana virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (i) Salz hati yang mungeci dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrabunyi abdomen;
- (ii) Nekrosis melibatkan seluruh lobus, meninggalkan hanya rangka retikular yang runtuhan;
- (iii) Ujian fungsi hati yang merosot dengan pantas; dan
- (iv) Penyakit kuning semakin teruk.

Jangkitan hepatitis virus atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnositik adalah tidak dilindungi.

10. KOMA - menyebabkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang tindak balas terhadap rangsangan luaran atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan menyebabkan kekurangan neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan. Tempoh Penilaian minimum tiga puluh (30) hari dikenakan. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.

Keadaan berikut tidak dilindungi:

- (i) Koma yang disebabkan secara langsung oleh penyalahgunaan alkohol atau dadah.

11. TUMOR OTAK BENIGNA - pada tahap keterukan tertentu

Tumor benigna di dalam otak atau meninges di dalam tengkorak, di mana semua daripada keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Mengancam nyawa;
- (ii) Menyebabkan kerrosakan otak;
- (iii) Telah dibuang menerusi pembedahan atau menyebabkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan; dan
- (iv) Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh hasil penemuan MRI, CT atau teknik pengimbasan lain yang boleh dipercayai.

Keadaan berikut tidak dilindungi:

- (i) Sista
- (ii) Granuloma
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena di dalam otak
- (iv) Hematoma
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitari
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang
- (vii) Tumor saraf akustik

12. LUMPUH ANGGOTA

Hilang penggunaan menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kaki, atau satu tangan dan satu kaki, menerusi lumpuh yang disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian minimum enam (6) bulan dikenakan.

13. BUTA – Kekal dan Tidak Boleh Pulih

Hilang penglihatan yang kekal dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kemalangan atau penyakit sehingga apabila diuji dengan penggunaan bantuan visual, penglihatan diukur pada tahap 3/60 atau lebih teruk pada kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian selara dan keputusan mesti disahkan oleh pakar oftalmologi.

14. PEKAK - Kekal dan Tidak Boleh Pulih

Hilang pendengaran yang kekal dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kemalangan atau penyakit di mana kehilangan tersebut adalah lebih besar daripada lapan puluh (80) desibel meliputi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan dalam bentuk ujian audiometri dan ambang bunyi mesti dikemukakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

15. LUKA TERBAKAR DARJAH KETIGA – pada tahap keterukan tertentu

Luka terbakar kulit darjah ketiga (ialtu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah luas permukaan badan.

16. JANGKITAN HIV AKIBAT PEMINDAHAN DARAH

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) menerusi pemindahan darah, selagi semua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Pemindahan darah perlu dari segi perubatan atau diberikan sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (ii) Pemindahan darah diterima di Malaysia atau Singapura selepas Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful;
- (iii) Sumber jangkitan ditetapkan sebagai daripada institusi yang memberikan pindahan darah dan institusi tersebut dapat mengesahkan punca darah yang dicemari HIV tersebut;
- (iv) Orang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
- (v) Orang Dilindungi tidak tergolong dalam mana-mana kumpulan berisiko tinggi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna ubat intravena.

17. PENYAKIT PARU-PARU PERINGKAT AKHIR

Penyakit paru-paru peringkat akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik.

Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (i) Memerlukan terapi oksigen berkala secara tetap;
- (ii) Kerosakan kekal fungsi paru-paru dengan Isi Padu Hembusan Paksa (FEV) kurang daripada 1 liter pada saat pertama;
- (iii) Sesak nafas semasa rehat; dan
- (iv) Analisis Gas Darah Arteri Asas dengan tekanan oksigen sebahagian sebanyak 55mmHg atau kurang.

18. ENSEFALITIS – menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Keradangan teruk bahan otak, menyebabkan kerosakan fungsi yang kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum tiga puluh (30) hari dikenakan. Kejadian dilindungi mesti disahkan oleh pakar neurologi.

Ensefalitis dengan kehadiran HIV adalah tidak dilindungi.

19. PEMINDAHAN ORGAN PENTING / SUMSUM TULANG

Penerimaan pemindahan:

- Sumsum tulang manusia menggunakan sel tunjang hematopoietik yang didebului oleh ablasii sumsum tulang penuh; atau
- Salah satu daripada organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang disebabkan oleh kegagalan peringkat akhir tidak boleh pulih bagi organ yang berkaitan.

Pemindahan sel tunjang lain tidak dilindungi.

20. HILANG UPAYA BERTUTUR

Kehilangan upaya bertutur yang menyeluruh, kekal dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum enam (6) bulan dikenakan. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh Pakar Telinga, Hidung dan Tekak.

Semua punca berkaitan psikiatrik tidak dilindungi.

21. PEMBEDAHAN OTAK

Menjalani pembedahan otak sebensar di bawah anestesi am semasa kraniotomi (pembukaan tengkorak menerusi pembedahan) dilakukan.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- (i) Prosedur lubang Burr
- (ii) Prosedur Transfenoidal
- (iii) Prosedur bantuan endoskopi atau sebarang prosedur kurang invasif lain
- (iv) Pembedahan otak akibat kemalangan

22. PEMBEDAHAN INJAP JANTUNG

Menjalani pembedahan jantung terbuka sebenar untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- (i) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri
- (ii) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau sebarang teknik serupa yang lain.

23. PENYAKIT MEMBAWA MAUT (PENYAKIT TERMINAL)

Diagnosis muktamad keadaan yang dijangka menyebabkan kematian Orang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan. Orang Dilindungi hendaklah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada ubat melegakan kesakitan. Diagnosis mesti disokong oleh pengesahan bertulis daripada pakar yang berkenaan dan disahkan oleh doktor yang dilantik Pengendali Takaful.

24. MENINGITIS BAKTERIA - menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Meningitis bakteria yang menyebabkan keradangan membran otak atau saraf tunjang menyebabkan kerosakan fungsi yang kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum enam (6) bulan dikenakan.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (a) pakar yang berkenaan; dan
- (b) kewujudan jangkitan bakteria dalam cecair serebrospina menerusi tusukan lumbar.

Untuk definisi di atas, bentuk meningitis lain, termasuk meningitis virus tidak dilindungi.

25. TRAUMA KEPALA TERUK- menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Kecederaan kepala fizikal yang menyebabkan kerosakan fungsi kekal yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum tiga (3) bulan dikenakan.

26. ANEMIA APLASTIK KRONIK - menyebabkan Kegagalan Sumsum Tulang yang kekal

Kegagalan sumsum tulang kekal yang tidak boleh pulih yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia yang memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (i) Pemindahan produk darah berkala;
- (ii) Agen perangsang sumsum;
- (iii) Agen imunotindasan; atau
- (iv) Pemindahan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan dengan biopsi sumsum tulang.

27. PENYAKIT NEURON MOTOR - yang menyebabkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan menunjuk kepada sama ada atrofi otot spina, bulbar palsi progresif, sklerosis lateral amiotrofik atau sklerosis utama lateral. Defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan seharusnya wujud.

28. PENYAKIT PARKINSON - menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar runding neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Tidak boleh dikawal dengan ubat;
- (ii) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan beransur; dan
- (iii) Pengesahan ketidakupayaan kekal Orang Dilindungi untuk melakukan tiga (3) atau lebih Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya Penyakit Parkinson idiopatik dilindungi. Penyakit Parkinson yang berpunca daripada dadah atau bahan toksik tidak dilindungi.

29. PENYAKIT ALZHEIMER / DEMENSIA TERUK

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelek yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian pengimejan yang timbul daripada Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk disebabkan gangguan otak degeneratif organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi mesti menyebabkan kemerosotan ketara dalam fungsi mental dan sosial sehingga pengawasan berterusan Orang Dilindungi diperlukan. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neurologi.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- (i) Gangguan otak bukan organik seperti neurosis
- (ii) Penyakit psikiatrik
- (iii) Kerosakan otak berkaitan ubat atau alkohol

30. DISTROFI OTOT

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi yang mesti disokong oleh semua daripada yang berikut:

- (i) Kemunculan klinikal kelemahan otot progresif;
- (ii) Tiada penglibatan saraf pusat / periferal seperti yang terbukti daripada ketidaaan gangguan deria;
- (iii) Penemuan elektromiogram dan biopsi otot berdasarkan cirinya.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Kejadian Kritis ini sebelum Orang Dilindungi mencapai umur dua belas (12) tahun, pada hari jadi berikutnya.

31. PEMBEDAHAN AORTA

Pembedahan sebenar menerusi torakotomi atau laparotomi (pembukaan toraks atau abdomen) untuk membaiki atau membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau diseksi aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta torasik dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) teknik intra-arteri atau berdasarkan kateter lain;
- (iii) prosedur lubang kunci lain;
- (iv) prosedur laser.

32. SKLEROSIS BERBILANG

Diagnosis muktamad sklerosis berbilang oleh pakar neurologi. Diagnosis mesti disokong oleh semua yang berikut:

- (i) Penyiasatan yang mengesahkan diagnosis sebagai Sklerosis Berbilang;
- (ii) Defisit neuromotorik berbilang yang menyebabkan kemerosotan fungsi motor dan deria yang berlaku dalam tempoh berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (iii) Sejarah penyakit yang bertambah teruk dan kemudian reda yang dicatatkan bagi gejala atau defisit neuromotorik tersebut.

33. HIPERTENSI ARTERI PULMONARI UTAMA - pada tahap keterukan tertentu

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari utama dengan pembesaran ventrikel kanan ketara yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk pengkateoran jantung, yang menyebabkan kerosakan fizikal kekal tidak boleh pulih ke tahap sekurang-kurangnya Kelas III Klasifikasi Kerosakan Jantung Persatuan Jantung New York (NYHA).

Hipertensi arteri pulmonari yang timbul daripada sebab lain akan dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud yang berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang nyata terbatas. Selesa semasa rehat tetapi aktiviti kurang daripada biasa menyebabkan gejala.
- Kelas IV: Tidak dapat melibatkan diri dalam sebarang aktiviti fizikal tanpa rasa tidak selesa. Gejala mungkin dialami walaupun semasa rehat.

34. PENYAKIT SISTIK MEDULARI

Penyakit buah pinggang keturunan beransur yang dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrosis interstisial dengan petanda klinikal anemia, poliuria dan kehilangan natrium dalam ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis hendaklah disokong oleh biopsi ginjal.

35. KARDIOMIOPATI - pada tahap keterukan tertentu

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan fungsi ventrikel yang terjejas dan menimbulkan kerosakan fizikal kekal sekurang-kurangnya pada Kelas III Klasifikasi Kerosakan Jantung Persatuan Jantung New York. Diagnosis perlu disokong oleh penemuan ekokardiografi yang mendapat prestasi ventrikel yang terjejas.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud yang berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang nyata terbatas. Selesa semasa rehat tetapi aktiviti kurang daripada biasa menyebabkan gejala.
- Kelas IV: Tidak dapat melibatkan diri dalam sebarang aktiviti fizikal tanpa rasa tidak selesa. Gejala mungkin dialami walaupun semasa rehat.

Kardiomiopati yang berkaitan secara langsung dengan alkohol atau penyalahgunaan dadah tidak dilindungi.

36. LUPUS ERITEMATOSUS SISTEMIK DENGAN KERUMITAN BUAH PINGGANG TERUK

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, pembayaran akan dibuat bagi kejadian dilindungi jika ia menyebabkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V seperti yang ditetapkan oleh biopsi renal. Bentuk lain seperti lupus diskoid atau bentuk dengan penglibatan hematologi atau sendi tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus WHO:

Jenis III: Glomerulonefritis segmen fokal

Jenis IV: Glomerulonefritis difusi

Jenis V: Glomerulonefritis bermembran

II. DEFINISI AM

1. "Tidak Boleh Pulih" bermaksud tidak boleh dijadikan lebih baik dengan sewajarnya menerusi rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian perkhidmatan perubatan yang disediakan di Malaysia.
2. "Pengamai Perubatan" atau "Pakar Perubatan" bermaksud pengamai perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan berat dan yang semasa menyediakan rawatan sedemikian, berkhidmat di dalam skop lesen dan latihannya di kawasan geografi perkhidmatan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Dilindungi itu sendiri.
3. "Kekal" bermaksud dijangka berterusan sepanjang hayat Orang Dilindungi.
4. "Defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan" bermaksud gejala disfungsi dalam sistem saraf yang wujud semasa pemeriksaan klinikal dan berlarutan sepanjang hayat Orang Dilindungi. Gejala yang diliputi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, disartria (masalah pertuturan), afasia (ketidakupayaan bertutur), disfagia (masalah menelan), kegagalan visual, masalah berjalan, kurang koordinasi, menggeletar, sawan, demensia, meracau dan koma.
5. "Tempoh Penilaian" bermaksud tempoh di mana Pengendali Takaful akan menilai sesuatu keadaan sebelum menentukan sama ada keadaan tersebut layak dianggap sebagai kekal. Tempoh penilaian ialah tempoh masa minimum yang dinyatakan dalam definisi Penyakit Kritis yang berkensaan dan tidak lebih lama daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat semua bukti yang diperlukan telah dikemukakan).
6. "Jumlah Perlindungan Asas" bermaksud jumlah perlindungan asas seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.

III. MANFAAT

Takaful Tambahan ini menyediakan pembayaran sekali gus sekiranya Orang Dilindungi disahkan oleh Pakar Perubatan mengalami Penyakit Kritis seperti yang ditakrifkan di atas. Pembayaran sekali gus tersebut adalah tidak melebihi 100% daripada Amaun Manfaat, seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful, sehingga maksimum Ringgit Malaysia Sejuta (RM1,000,000.00) bagi setiap Orang Dilindungi, yang mana lebih rendah.

Jika tuntutan dibayar untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari, pembayaran tersebut akan mengurangkan Amaun Manfaat yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Induk sejarar dengan Fasal I (7) di atas. Pengendali Takaful hanya akan membayar baki Amaun Manfaat yang tinggal jika Orang Dilindungi disahkan menghidap Penyakit Kritis lain dan/atau meninggal dunia pada bila-bila masa selepas menjalani Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari.

Jumlah yang akan dibayar di bawah Takaful Tambahan ini tidak melebihi seratus peratus (100%) Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.

IV. SYARAT-SYARAT

1. Semua Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan ditarik balik jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko kepada Pengendali Takaful, termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberikan kepada Pengendali Takaful dan kebenaran bertulis daripada mereka untuk meneruskan Takaful telah diperolehi.

2. Walau apa pun yang terkandung di dalam ini, amaun maksimum yang akan dibayar di bawah Takaful Tambahan ini hendaklah tidak melebihi 100% daripada Amaun Manfaat bagi Orang Dilindungi.
3. Sebaik selepas Pemegang Sijil Induk atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pihak Pemegang Sijil Induk maklum tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, notis mengenainya hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dan semua maklumat, bantuan dan dokumen yang diketahui atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk atau orang lain tersebut atau mana-mana orang bagi pihaknya atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan menguruskan perkara tersebut hendaklah dalam tempoh masa yang sewajarnya diberikan kepada Pengendali Takaful oleh atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bukti selanjutnya tersebut, (termasuk siji perubatan dan perakuan berkanun) yang mungkin diperlukan dengan sewajarnya oleh Pengendali Takaful, hendaklah diberikan dengan cara yang sama untuk tujuan melaksanakan sebarang tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini.
4. Pengendali Takaful berhak untuk membatakan Takaful Tambahan ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan Takaful Tambahan ini, jika belum ditamatkan sebelum ini, hendaklah tamat serta-merta jika Sijil Induk ditamatkan. Apabila Takaful Tambahan ini ditamatkan, tiada Sumbangan yang dibayar di bawahnya boleh dipulangkan kecuali bagi sebarang bahagian belum digunakan yang telah dibayar untuk melindungi tempoh selepas peniamatan.
5. Takaful Tambahan ini adalah semata-mata untuk Manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, caj atau pindah milik Takaful Tambahan ini dibuat tanpa kebenaran Pengendali Takaful, maka Takaful Tambahan ini hendaklah dianggap dibatakan serta-merta.
6. Notis bertulis tuntutan mesti diberikan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh diagnosis awal penyakit. Kegagalan untuk memberikan notis dalam masa tersebut tidak akan membatakan tuntutan jika dapat ditunjukkan bahawa notis tersebut tidak mungkin diberikan dengan sewajarnya dalam tempoh masa yang ditetapkan dan notis telah diberikan dengan sewajarnya secepat yang mungkin.
7. Orang Dilindungi mesti menyediakan bukti perubatan yang memuaskan Pengendali Takaful atas perbelanjaannya sendiri. Setiap diagnosis mana-mana penyakit yang dinyatakan tersebut mesti disokong oleh bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang boleh diterima yang disahkan oleh Pengamal Perubatan berdaftar. Walaupun bukti penyakit yang dinyatakan mungkin diterima oleh Pengendali Takaful, Pengendali Takaful akan berhak untuk meminta Orang Dilindungi diperiksa oleh mana-mana Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Pengendali Takaful.
8. Tiada tindakan undang-undang atau tindakan menuntut hak boleh diambil terhadap PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful untuk mendapatkan pampasan bagi peruntukan ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti penyakit telah difaikkan menurut keperluan peruntukan ini.

V. PENYAKIT SEDIA ADA

Penyakit Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang sewajarnya diketahui oleh Orang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful. Orang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya tentang penyakit sedia ada apabila keadaan tersebut adalah salah satu daripada yang berikut:-

- (a) Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan baginya;
- (b) rawatan perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) gejala jelas dan nyata dilihat atau telah dilihat; atau
- (d) kewujudannya jelas kepada orang yang waras dalam keadaan tersebut.

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Takaful Tambahan ini, tiada Manfaat akan dibayar jika penyakit adalah disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada melainkan pada masa diagnosis penyakit,

Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari tarikh kuat kuasa perlindungan dan Orang Dilindungi telah mendedahkan dengan seujarnya kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderait sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum tarikh penyertaan.

VI. TEMPOH MENUNGGU

Bermaksud tiga puluh (30) hari pertama antara Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful dan diagnosis Orang Dilindungi, dan dikenakan hanya apabila Orang Dilindungi dilindungi buat kali pertama. Tempoh ini tidak lagi dikenakan selepas tahun pertama perlindungan. Bagaimanapun, jika terdapat selang masa antara Takaful, Tempoh Menunggu akan dikenakan sekali lagi.

VIII. PENGECAULIAN

Tiada Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan dibayar oleh Pengendali Takaful pada tarikh penerimaan tuntutan jika mana-mana daripada Penyakit Dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. Penyakit sedia ada di bawah Takaful Tambahan ini
2. Tanda atau gejala Penyakit Dilindungi yang muncul sebelum atau
 - (a) Enam puluh (60) hari dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful, tarikh kuat kuasa pindaan atau sebarang tarikh pengembalian semula Takaful Tambahan ini, yang mana paling lewat, berhubung dengan:
 - Angioplasti dan rawatan invasif lain bagi penyakit arteri koronari
 - Kanser- pada tahap keterukuran tertentu dan tidak melindungi kanser peringkat sangat awal
 - Pembedahan pintasan arteri koronari
 - Serangan jantung – pada tahap keterukuran tertentu
 - Penyakit arteri koronari serius
 - (b) Dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful, tarikh kuat kuasa pindaan atau sebarang tarikh pengembalian semula Takaful Tambahan ini, yang mana paling lewat bagi semua Penyakit Dilindungi yang tidak dinyatakan dalam perkara (a) di atas.
3. Bagi Orang Dilindungi yang merupakan juvenil, sebarang kecacatan/kerosakan kongenital (sejak lahir) dikecualikan secara khusus;
4. Selain daripada insiden pertama Penyakit Dilindungi; atau
5. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh kecederaan disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman, sengaja menyalahgunakan alkohol dan/atau pengambilan ubat selain daripada mengikut arahan Pengamal Perubatan berdaftar.

RUANGAN INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG



هوج لوچ مس اچ تکاف

HongLeong MSIG Takaful

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN MANFAAT PENDAPATAN HOSPITAL

Sijil Manfaat Pendapatan Hospital (seterusnya dirujuk di dalam ini sebagai ‘Takaful Tambahan’) ini adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsirkan sedemikian. Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berdasarkan syarat dan keistimewaan yang dinyatakan seterusnya, menyediakan pembayaran Amaun Manfaat, seperti yang diletakkan dalam Sijil Takaful, sekiranya Orang Dilindungi dimasukkan ke Hospital Berlesen. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi asas Takaful Tambahan ini.

I. DEFINISI

“Pertindungan Luar Negara” bermaksud Takaful Tambahan ini berkuat kuasa hanya bagi Tempoh Penginapan yang berlaku di Malaysia, Singapura atau Brunei, kecuali jika:

1. Orang Dilindungi, yang mengembara ke luar negara atas sebab selain daripada rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke Hospital Berlesen di luar Malaysia, Singapura atau Brunei akibat Kecemasan Perubatan yang berlaku dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas meninggalkan Malaysia, atau
2. Orang Dilindungi, atas cadangan Pakar Perubatan dan dengan kelulusan bertulis Pengendali Takaful terlebih dahulu, perlu dipindahkan ke Hospital Berlesen di luar Malaysia atau Singapura atau Brunei kerana ciri khusus rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang diperlukan tidak dapat diberikan atau disediakan atau diambil di Malaysia, Singapura atau Brunei. Tempoh Penginapan tersebut akan terus tertakluk kepada pengecualian, had dan syarat yang dinyatakan dalam Takaful Tambahan ini.

“Penginapan” atau “Menginap” bermaksud kemasukan ke Hospital yang diluluskan oleh Pengendali Takaful sebagai pesakit berdaftar untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi hilang upaya dilindungi berdasarkan cadangan Pakar Perubatan. Seseorang pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika pesakit tidak berada secara fizikal di hospital sepanjang tempoh penginapan.

“Hari Penginapan” bermaksud tempoh dua puluh empat (24) jam penuh dalam Tempoh Penginapan. Hari Pertama Penginapan hendaklah bermula pada masa kemasukan ke Hospital Berlesen dan setiap Hari Penginapan seterusnya akan bermula dua puluh empat (24) jam selepas bermulanya Hari Penginapan sebelumnya. Sekiranya masa Orang Dilindungi keluar Hospital adalah lebih daripada enam (6) jam tetapi kurang daripada dua puluh empat (24) jam, yang mana lebih lewat, dari:

1. waktu dimasukkan ke Hospital Berlesen.
2. berakhinya Hari Penginapan sebelumnya, maka hari keluar hospital hendaklah dianggap sebagai Hari Penginapan.

“Hospital Berlesen” bermaksud institusi yang semata-mata ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital berlesen untuk menjaga dan merawat orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit menginap yang membayar, dan yang:

1. mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan besar,
2. menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat siswazah dan berdaftar,
3. berada di bawah penyeliaan seorang Pakar Perubatan, dan
4. bukan semata-mata sebuah klinik; tempat penjagaan penagih alkohol atau dadah; pusat penjagaan, rehat atau rumah orang tua atau institusi yang serupa.

“Kecemasan Perubatan” bermaksud Hilang Upaya teruk yang:

1. menyebabkan gejala yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak diduga; dan



2. memerlukan penjagaan serta-merta Pakar Perubatan untuk mencegah kematian atau kemerosotan serius jangka panjang yang memudaratkan kesihatan Orang Dilindungi.

"Perlu Dari Segi Perubatan" menerangkan Hari Penginapan atau Tempoh Penginapan yang diarahkan oleh Pakar Perubatan dan yang:

1. disediakan untuk diagnosis atau rawatan langsung hilang upaya, dan
2. wajar dan konsisten dengan gejala dan penemuan atau diagnosis dan rawatan bagi hilang upaya Orang Dilindungi, dan
3. disediakan menurut amalan perubatan yang diterima dari segi perubatan di peringkat kebangsaan, dan
4. kaedah rawatan paling sesuai yang boleh disediakan secara menjimatkan kos, dan
5. bukan untuk rawatan yang bersifat eksperimen, untuk tujuan penyiasatan atau untuk tujuan penyelidikan.

"Tempoh Penginapan" bermaksud tempoh masa berterusan yang Perlu Dari Segi Perubatan semasa Orang Dilindungi dimasukkan ke Hospital Berlesen sebagai pesakit dalam. Dua atau lebih tempoh Penginapan atas sebab yang sama atau berkaitan, seperti yang ditentukan oleh Pengendali Takaful, adalah dianggap sebagai satu Tempoh Penginapan melainkan satu tempoh masa lebih daripada tiga puluh (30) hari wujud antara tarikh keluar hospital untuk Penginapan yang lebih awal dan tarikh kemasukan Tempoh Penginapan berikutnya.

"Penyakit Sedia Ada" bermaksud hilang upaya yang sewajarnya diketahui oleh Orang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful. Orang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya tentang penyakit sedia ada apabila keadaan tersebut adalah salah satu daripada yang berikut: -

1. Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan beginya;
2. rawatan perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
3. gejala jelas dan nyata dilihat atau telah dilihat; atau
4. kewujudannya jelas kepada orang yang waras dalam keadaan tersebut.

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Sijil Induk, tiada Manfaat akan dibayar jika kecederaan atau penyakit adalah disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada melainkan pada masa diagnosis kecederaan atau penyakit, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari tarikh kuat kuasa perlindungan dan Orang Dilindungi telah mendedahkan dengan sewajarnya kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderit sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum permulaan perlindungan.

"Tempoh Menunggu" bermaksud tiga puluh (30) hari pertama antara tarikh kuat kuasa Takaful Tambahan ini dan permulaan hilang upaya Orang Dilindungi, dan dikenakan hanya apabila Orang Dilindungi dilindungi buat kali pertama. Tempoh ini tidak lagi dikenakan selepas tahun pertama perlindungan. Bagaimanapun, jika terdapat selang masa antara perlindungan Takaful, Tempoh Menunggu akan dikenakan sekali lagi.

Tempoh Menunggu tidak dikenakan sekiranya kemasukan hospital disebabkan Kemalangan.

"Penyakit Terkhusus" bermaksud hilang upaya berikut dan kerumitan berkaitannya, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama Perlindungan Takaful:

1. Hipertensi, diabetes mellitus dan Penyakit Kardiovaskular
2. Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu sistem kencing dan sistem biliar
3. Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak

4. Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele
5. Endometriosis termasuk penyakit sistem Reproduktif
6. Gangguan spina vertebra (termasuk cakera) dan penyakit lutut.

II. MANFAAT

Manfaat Tambahan ini membayar elaun tunai harian bagi setiap hari Penginapan untuk Hilang Upaya yang dilindungi di Hospital Berlesen Malaysia seperti yang ditakrifkan, dengan syarat bilangan hari yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful tidak dilebihi (dua atau lebih Tempoh Penginapan untuk sebab sama atau berkaitan dianggap sebagai Penginapan berterusan jika tempoh antara dua Tempoh Penginapan berturut-turut adalah tidak melebihi tiga puluh (30) hari). Tiada bayaran akan dibuat bagi sebarang pemindahan ke atau dari Hospital Swasta dan Hospital Kerajaan Malaysia untuk Hilang Upaya yang dilindungi.

III. LIEN JUVENIL

Lien Juvenil tidak diguna pakai bagi Takaful Tambahan ini.

IV. PENGECUALIAN

Manfaat Pendapatan Hospital tersebut tidak akan dibayar:

1. untuk lebih daripada lima puluh dua (52) minggu pertama atau mana-mana tempoh lebih lama di mana Orang Dilindungi tenus manginap di hospital (dua atau lebih tempoh penginapan untuk sebab yang sama atau berkaitan akan dianggap Penginapan berterusan jika tempoh antara dua Tempoh Penginapan berturut-turut tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari);
2. bagi seluruh mana-mana tempoh berterusan Penginapan di hospital jika mana-mana bahagian tempoh tersebut berlaku dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful pada bila-bila masa kecuali bagi kecederaan akibat kematangan;
3. bagi mana-mana Tempoh Penginapan di hospital bagi penyakit atau kecederaan yang dialami sebelum pembayaran Caj Tabaruu pertama bagi Takaful Tambahan ini;
4. bagi mana-mana Tempoh Penginapan di hospital yang berlaku selepas ulang tahun Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful selepas Orang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun, atau selepas tamat tempoh Sijil Induk;
5. bagi mana-mana Tempoh Penginapan atau hospital bagi penyakit atau kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau dipercepatkan oleh:
 - (a) mogok, rusuhan, kekacauan awam, perperangan (sama ada dilisyiharkan atau tidak); atau
 - (b) Terlibat dalam penerbangan (kecuali sebagai penumpang biasa yang membayar tambang atau yang menaiki penerbangan awam biasa); atau
 - (c) Berada di bawah pengaruh arak memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah; atau
 - (d) Bunuh diri, percubaan bunuh diri, kecederaan yang disengajakan, pertarungan atau tindakan menuntut keadilan; atau
 - (e) Tidak siulman; atau
 - (f) Penyakit kelamin; atau
 - (g) Kelahiran anak, kehamilan, keguguran dan keadaan susulannya; atau
 - (h) Kewujudan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Kerumitan Berkaitan AIDS.
6. rawatan, Tempoh Penginapan atau Hari Penginapan yang tidak perlu dari segi perubatan;
7. penyakit sedia ada atau sebarang keadaan yang sedia ada sebelum hari sijil berkuat kuasa atau dikembalikan semula;

8. rawatan gusi, gigi atau struktur sokongan langsung, kecuali diperlukan akibat kecederaan;
9. sebarang bentuk pembedahan kosmetik kecuali yang disebabkan oleh kecederaan;
10. rawatan yang timbul daripada kecacatan semasa lahir, keturunan, kejanggalan kongenital atau keadaan yang berkaitan;
11. penjagaan penyembuhan, penjagaan rehat, penjagaan hospis, pemulihan atau rawatan serupa;
12. untuk bayi yang berumur di bawah tiga puluh (30) hari selepas lahir pada tarikh Penginapan;
13. gangguan psikotik, mental atau saraf, (termasuk sebarang neurosis dan petanda fisiologi atau psikosomatiknya);
14. dengan syarat juga bahawa bagi setiap tuntutan manfaat, notis bertulis diberikan di Ibu Pejabat Pengendali Takaful dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kemasukan Orang Dilindungi ke hospital dan semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Pengendali Takaful hendaklah diberikan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk, Penama atau penerima serah hak atau wakil peribadi Pemegang Sijil Induk dan dalam bentuk dan jenis seperti yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful untuk menunjukkan bahawa Orang Dilindungi menginap atau pernah menginap di hospital kerajaan atau Hospital Berlesen di Malaysia, Singapura dan Brunei kerana penyakit atau kecederaan; dan
15. penyakit terkhusus yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama selepas Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful.

V. SYARAT-SYARAT

1. Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Pelan Takaful Tambahan ini hanya boleh didapati jika Sijil Induk masih berkuat kuasa. Perlindungan Takaful akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Induk.

2. Wilayah Geografi

Manfaat akan dibayar kepada Orang Dilindungi sepanjang tempoh Orang Dilindungi dimasukkan ke Hospital Berlesen di seluruh dunia untuk dua puluh (24) empat jam sehari.

3. Prosedur Tuntutan

Orang Dilindungi hendaklah dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh hilang upaya yang menimbulkan perbelanjaan boleh dituntut, memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful dengan butiran perlu kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, dan laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh hilang upaya bermula pada pendapat Pakar Perubatan, dan juga ringkasan kos rawatan oleh Pakar Perubatan, termasuk ubat dan perkhidmatan yang diberikan. Kegagalan untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan tidak akan membatakan sebarang tuntutan jika didapati sewajarnya tidak mungkin untuk memberikan notis sedemikian dan notis tersebut telah diberikan secepat mungkin.

Orang Dilindungi hendaklah serta-merta mendapatkan dan bertindak untuk mematuhi apa-apa nasihat perubatan dan PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya rawatan atau perkhidmatan menjadi perlu akibat kegagalan Orang Dilindungi berbuat demikian.

4. Penamatan

Takaful Tambahan ini akan tamat secara automatic:



هونغ ليونج مس أجي تكافل
HongLeong MSIG Takaful

- (a) jika Sijil Induk luput, matang atau diserahkan;
- (b) apabila Orang Dilindungi meninggal dunia di bawah Sijil Induk; atau
- (c) apabila Sijil Induk tamat.

RUANGAN INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG

SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN
PERBELANJAAN PENGEBUMIAN (ORANG DILINDUNGI)

Sijil Perbelanjaan Pengebumian ini (sehingga dirujuk sebagai "Takaful Tambahan") adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsir sedemikian. Sebagai perlimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berasaskan syarat dan kestimmewaan yang dinyatakan sebelumnya, menyediakan pembayaran sekali gus bagi Amaun Manfaat seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia seperti yang ditakrifkan dan dihadkan Jadual Sijil Induk. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi atas Takaful Tambahan ini.

I. MANFAAT

Sebagai perlimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalam ini dan kepada syarat Bahagian (III) tersebut, Pengendali Takaful hendaklah membayar, di Ibu Pejabatnya buat masa ini, Amaun Manfaat bagi Perbelanjaan Pengebumian seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful kepada Penama, selepas Takaful Tambahan ini dihantar dan bukti diberikan kepada Pengendali Takaful sekiranya berlaku Kematian.

II. SYARAT-SYARAT

1. Semua Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan ditarik balik jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko kepada Pengendali Takaful, termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberikan kepada Pengendali Takaful dan kebenaran bertulis daripada mereka untuk meneruskan Takaful telah diperolehi.
2. Sebaik selepas Pemegang Sijil Induk atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pihak Pemegang Sijil Induk maklum tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, notis bertulis hendaklah diberikan kepada Ibu Pejabat Pengendali Takaful dalam masa liga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian tersebut dan semua maklumat, bantuan dan dokumen yang diketahui atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk atau orang lain sedemikian atau mana-mana orang bagi pihaknya atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan menguruskan perkara tersebut hendaklah dalam tempoh masa yang sewajarnya diberikan kepada Pengendali Takaful oleh atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bukti selanjutnya tersebut, (termasuk sijil perubatan dan perakuan berkanun) yang mungkin diperlukan dengan sewajarnya oleh Pengendali Takaful, hendaklah diberikan dengan cara yang sama untuk tujuan melaksanakan sebarang tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini.
3. Walau apa pun amaun Manfaat yang perlu dibayar bagi setiap Orang Dilindungi, had agregat liabiliti bagi PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful di bawah Sijil Induk ini hendaklah tidak melebihi RM3,000,000.00.
4. Pengendali Takaful berhak untuk membatalkan Takaful Tambahan ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan Takaful Tambahan ini, jika belum ditamatkan sebelum ini, hendaklah tamat serta-merta jika Sijil Induk ditamatkan. Apabila Takaful Tambahan ini ditamatkan, tiada Sumbangan yang dibayar di bawahnya boleh dipulangkan kecuali bagi sebarang bahagian belum digunakan yang telah dibayar untuk melindungi tempoh selepas penamatan.
5. Takaful Tambahan ini adalah semata-mata untuk manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, caj atau pindah milik Takaful Tambahan ini dibuat tanpa kebenaran Pengendali Takaful, maka Takaful Tambahan ini hendaklah dianggap dibatalkan serta-merta.



هونج ليونج مس أجي تكافل

HongLeong MSIG Takaful

III. KEADAAN SEDIA ADA

Keadaan Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang sewajarnya diketahui oleh Orang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful. Orang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya tentang keadaan sedia ada apabila keadaan tersebut adalah salah satu daripada yang berikut:-

- (a) Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan baginya; atau
- (b) rawatan perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan; atau
- (c) gejala jelas dan nyata dilihat atau telah dilihat; atau
- (d) kewujudannya jelas kepada orang yang waras dalam keadaan tersebut.

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Sijil Induk, tiada Manfaat akan dibayar jika penyakit adalah disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada melainkan pada masa kematian, Orang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful dan Orang Dilindungi telah mendedahkan dengan sewajarnya kecederaan atau penyakit tersebut dan telah diunderai seperluhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum permulaan perlindungan Takaful.

IV. PENGECAULIAN

Sekiranya Orang Dilindungi sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman membunuh diri dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful, tiada Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan dibayar. Sebagai tambahan, jika Orang Dilindungi meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit kelamin lain akibat kecualan atau perbuatan sengaja Orang Dilindungi, tiada Manfaat di bawah Sijil Tambahan ini akan dibayar.

RUANGAN INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG

**SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN
PERBELANJAAN PENGEBUMIAN (PASANGAN)**

Sijil Perbelanjaan Pengebumian ini (seterusnya dirujuk sebagai "Takaful Tambahan") adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsir sedemikian. Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berasaskan syarat dan keistimewaan yang dinyatakan seterusnya, menyediakan pembayaran sekali gus bagi Amaun Manfaat seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful sekiranya Pasangan meninggal dunia seperti yang ditakrifkan dan dihadkan Jadual Sijil Induk. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi asas Takaful Tambahan ini.

I. MANFAAT

Sebagai pertimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalam ini, Pengendali Takaful hendaklah membayar, di Ibu Pejabatnya buat masa ini, Amaun Manfaat bagi Perbelanjaan Pengebumian seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful kepada Orang Dilindungi atau Penama (yang mana berkenaan), selepas Takaful Tambahan ini dihantar dan bukti diberikan kepada Pengendali Takaful sekiranya berlaku Kematian.

II. SYARAT-SYARAT

1. Semua Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan ditarik balik jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko kepada Pengendali Takaful, termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberikan kepada Pengendali Takaful dan kebenaran bertulis daripada mereka untuk meneruskan Takaful telah diperolehi.
2. Sebaik selepas Pemegang Sijil Induk atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pihak Pemegang Sijil Induk maklum tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, notis bertulis hendaklah diberikan kepada Ibu Pejabat Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian tersebut dan semua maklumat, bantuan dan dokumen yang diketahui atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk atau orang lain sedemikian atau mana-mana orang bagi pihaknya atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan menguruskan perkara tersebut hendaklah dalam tempoh masa yang sewajarnya diberikan kepada Pengendali Takaful oleh atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bukti selanjutnya tersebut, (termasuk siji perubatan dan perakuan berkanun) yang mungkin diperlukan dengan sewajarnya oleh Pengendali Takaful, hendaklah diberikan dengan cara yang sama untuk tujuan melaksanakan sebarang tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini.
3. Walau apa pun amaun Manfaat yang akan dibayar bagi setiap Orang Dilindungi, had agregat liabiliti bagi PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful di bawah Sijil Induk ini hendaklah tidak melebihi RM3,000,000.00.
4. Pengendali Takaful berhak untuk membatalkan Takaful Tambahan ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan Takaful Tambahan ini, jika belum ditamatkan sebelum ini, hendaklah tamat serta-merta jika Sijil Induk ditamatkan. Apabila Takaful Tambahan ini ditamatkan, tiada Sumbangan yang dibayar di bawahnya boleh dipulangkan kecuali bagi sebarang bahagian belum digunakan yang telah dibayar untuk melindungi tempoh selepas penamatan.
5. Takaful Tambahan ini adalah semata-mata untuk manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, caj atau pindah milik Takaful Tambahan ini dibuat tanpa kebenaran Pengendali Takaful, maka Takaful Tambahan ini hendaklah dianggap dibatalkan serta-merta.



هونج ليونج مساج تكافل

HongLeong MSIG Takaful

III. PENGECUALIAN

Sekiranya Pasangan sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman membunuh diri atau meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit kelamin lain, tiada Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan dibayar.



**SIJIL TAKAFUL TAMBAHAN
PERBELANJAAN PENGEBUMIAN (ANAK)**

Sijil Perbelanjaan Pengebumian ini (seerusnya dirujuk sebagai "Takaful Tambahan") adalah sebahagian penting daripada Sijil Induk dan hendaklah ditafsir sedemikian. Sebagai perlimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, Pengendali Takaful mengeluarkan Takaful Tambahan ini. Takaful Tambahan ini, berasaskan syarat dan kestimmewaan yang dinyatakan seerusnya, menyediakan pembayaran sekali gus bagi Amaun Manfaat seperti yang ditetapkan dalam Sijil Takaful sekiranya Anak meninggal dunia seperti yang ditakrifkan dan dihadkan Jadual Sijil Induk. Permohonan dan perakuan dalam borang cadangan adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui menjadi asas Takaful Tambahan ini.

I. MANFAAT

Sebagai perlimbangan bagi Sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalam ini, Pengendali Takaful hendaklah membayar, di Ibu Pejabatnya buat masa ini, Amaun Manfaat bagi Perbelanjaan Pengebumian seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful kepada Orang Dilindungi atau Penama (yang mana berkenaan), selepas Takaful Tambahan ini dihantar dan bukti diberikan kepada Pengendali Takaful sekiranya berlaku Kematian.

II. SYARAT-SYARAT

1. Semua Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan ditarik balik jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan yang mungkin meningkatkan risiko kepada Pengendali Takaful, termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan tersebut telah diberikan kepada Pengendali Takaful dan kebenaran bertulis daripada mereka untuk meneruskan Takaful telah diperolehi.
2. Sebaik selepas Pemegang Sijil Induk atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pihak Pemegang Sijil Induk maklum tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini, notis bertulis hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian tersebut dan semua maklumat, bantuan dan dokumen yang diketahui atau dipegang oleh Pemegang Sijil Induk atau orang lain sedemikian atau mana-mana orang bagi pihaknya atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu untuk tujuan menguruskan perkara tersebut hendaklah dalam tempoh masa yang sewajarnya diberikan kepada Pengendali Takaful oleh atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pemegang Sijil Induk. Bukti selanjutnya tersebut (termasuk sijil perubatan dan perakuan berkanun) yang mungkin diperlukan dengan sewajarnya oleh Pengendali Takaful, hendaklah diberikan dengan cara yang sama untuk tujuan melaksanakan sebarang tuntutan di bawah Takaful Tambahan ini.
3. Walau apa pun amaun Manfaat yang akan dibayar bagi setiap Orang Dilindungi, had agregat liabiliti bagi PRF yang diuruskan oleh Pengendali Takaful di bawah Sijil Induk ini hendaklah tidak melebihi RM3,000,000.00.
4. Pengendali Takaful berhak untuk membatalkan Takaful Tambahan ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Sijil Induk dan Takaful Tambahan ini, jika belum ditamatkan sebelum ini, hendaklah tamat serta-merta jika Sijil Induk ditamatkan. Apabila Takaful Tambahan ini ditamatkan, tiada Sumbangan yang dibayar di bawahnya boleh dipulangkan kecuali bagi sebarang bahagian belum digunakan yang telah dibayar untuk melindungi tempoh selepas penamatan.
5. Takaful Tambahan ini adalah semata-mata untuk manfaat Pemegang Sijil Induk dan jika sebarang penyerahan hak, caj atau pindah milik Takaful Tambahan ini dibuat tanpa kebenaran Pengendali Takaful, maka Takaful Tambahan ini hendaklah dianggap dibatalkan serta-merta.



III. PENGECUALIAN

Sekiranya Anak sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman membunuh diri atau meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit kelamin lain, tiada Manfaat di bawah Takaful Tambahan ini akan dibayar.

